



PEMERKASAAN Kolej Komuniti

2013-2015

JABATAN PENGAJIAN
KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI




ISBN 978-967-11397-2-1



9 789671 139721

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 6 & 7, Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel. : 03 8888 2633/2600
Faks : 03 8888 7211

Laman web: www.jpkk.edu.my



PEMERKASAAN KOLEJ KOMUNITI 2013 - 2015

Buku Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015

Hakcipta 2012, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Semua hak cipta terpelihara, kecuali untuk tujuan pendidikan tanpa apa-apa kepentingan perdagangan. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada :

Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

Disember 2012.

ISBN 978-967-11397-2-1



9 789671 139721

DICETAK OLEH :
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
emel: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN

MENTERI PENGAJIAN TINGGI	ix
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	xi
KETUA PENGARAH JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI	xiii

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAB 1	Pengenalan	1
BAB 2	Penuntut Kolej Komuniti	9
BAB 3	Agenda Pemerkasaan 2013 – 2015	15
BAB 4	Teras 1 – Memperkasa Pembelajaran Sepanjang Hayat	29
BAB 5	Teras 2 – Mengarusperdana dan Memperluas Akses Kepada TVET	37
BAB 6	Teras 3 – Meningkatkan Keberkesanan Organisasi	49
BAB 7	Teras 4 – Meningkatkan Keupayaan dan Daya Saing Komuniti	57
BAB 8	Teras 5 – Memperkukuh Kerjasama Strategik dengan Rakan Industri dan Agensi	67
BAB 9	Teras 6 – Meningkatkan Kapasiti dan Bakat	73
BAB 10	Faktor Kejayaan Utama	79
BAB 11	Melangkau 2015	83
BAB 12	Kesimpulan	93

Glosari	96
----------------	-----------

Daftar Singkatan	97
-------------------------	-----------

Sumber Rujukan	98
-----------------------	-----------

Penghargaan	99
--------------------	-----------



MURDER







WILAYAH PERAK
KPT KOMUNITI WILAYAH PERAK

Wilayah Perak

S KPT KONVOKESYEN

bin M

KPT
KONVOKESYEN
WILAYAH PERAK 2018

KPT
KONVOKESYEN
WILAYAH PERAK 2018

KPT
KONVOKESYEN
WILAYAH PERAK 2018

KPT
KONVOKESYEN
WILAYAH PERAK 2018

KPT
KONVOKESYEN
WILAYAH PERAK 2018





MENTERI PENGAJIAN TINGGI

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pengajian Kolej Komuniti kerana telah berjaya menerbitkan Buku Pemeraksanaan Kolej Komuniti 2013-2015.

Sehingga kini kolej komuniti telah menempa pelbagai kejayaan di peringkat nasional dan di persada antarabangsa, sekaligus berjaya menarik perhatian komuniti setempat. Sungguhpun demikian, kolej komuniti perlu sentiasa relevan dengan arus perubahan dan permintaan semasa. Peranan kolej komuniti perlu didukung bagi memastikan rakyat Malaysia dapat mendepani persaingan dan cabaran abad ke-21.

Bertitik tolak dari program pemeraksanaan kolej komuniti ini, agenda Kementerian Pengajian Tinggi dapat dilaksanakan dengan lebih terancang, berfokus dan mewujudkan masyarakat berdaya saing dan berketrampilan yang berpotensi meletakkan negara di persada antarabangsa.

Akhir tinta, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buku Pemeraksanaan Kolej Komuniti 2013-2015 ini. Semoga usaha pemeraksanaan ini akan terus mengangkat KPT ke arah kecemerlangan dan kegemilangan.

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi





KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam Kegemilangan,

Saya amat berbangga sekali dengan penerbitan Buku Pemerksaan Kolej Komuniti 2013-2015 kerana ianya akan memperkukuhkan lagi kedudukan kolej komuniti di seluruh negara sebagai sebuah institusi di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi yang sentiasa mendahulukan kepentingan negara dan masyarakat. Hasrat kolej komuniti untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada komuniti setempat amatlah dialu-alukan.

Adalah menjadi harapan Kementerian Pengajian Tinggi supaya pemerksaan sistem pengajian kolej komuniti ini akan memartabatkan kedudukan kolej komuniti di kalangan masyarakat setempat ke arah menghasilkan tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih. Sehubungan ini saya menyarankan supaya kolej membangunkan pelajar secara menyeluruh dengan penerapan nilai inovatif, kreatif, mempunyai semangat kerja berkumpulan dan berfikiran kritis.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pengajian Kolej Komuniti atas penerbitan Buku Pemerksaan Kolej Komuniti ini.

DATUK AB RAHIM BIN MD NOOR






KETUA PENGARAH JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia,

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dan kolej komuniti kerana kejayaan dalam menghasilkan Buku Pemeraksanaan Kolej Komuniti 2013–2015 ini. Pemeraksanaan ini bertujuan untuk memperhebat dan menonjolkan peranan kolej komuniti sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional serta hab pembelajaran sepanjang hayat. Kolej komuniti bertekad untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, terlatih dengan turut menerapkan pembangunan sahsiah pelajar secara menyeluruh untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat di negara ini.

Malahan usaha ini mendorong kita untuk merencana pembangunan kolej komuniti dengan lebih rapi dan strategik. Justeru, penggembleran tenaga dan usaha setiap warga kolej komuniti secara berterusan akan memperkukuh kerelevanan dan kedudukan sistem pengajian kolej komuniti di rantau ini.

AMIR BIN MD. NOOR S.S.P, S.M.S, A.M.P





**RINGKASAN EKSEKUTIF
PEMERKASAAN KOLEJ KOMUNITI**





RINGKASAN EKSEKUTIF PEMERKASAAN KOLEJ KOMUNITI

Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015 merupakan satu komitmen bagi memperkukuh asas yang telah lama diperkenalkan, dipupuk dan dibina oleh kolej komuniti. Ianya berfokus kepada enam teras untuk memacu kemajuan kolej komuniti dengan memantap dan menambahbaik kualiti penyampaian dan perkhidmatan kolej komuniti sebagai penyedia Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang utama di Malaysia.

Buku ini juga merupakan satu dokumen yang disediakan bagi menjelaskan hala tuju dan peranan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) serta warga kolej komuniti bagi tempoh 3 tahun (2013-2015) dan akan digunakan sebagai garis panduan utama bagi perancangan pelaksanaan program. Teras yang telah dikenalpasti bertujuan memperkasa kolej komuniti dalam penyediaan menghadapi pelbagai senario dan cabaran masa hadapan yang tidak menentu.

Menyedari persaingan, cabaran dan aspirasi yang sentiasa meningkat dan seiring dengan transformasi pendidikan dan dasar-dasar negara sepertimana yang terdapat di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), teras pemerikasaan kolej komuniti adalah untuk memartabatkan kolej komuniti sebagai sebuah institusi TVET yang disegani dan dihormati serta relevan dalam memainkan peranan penting untuk melonjakkan Malaysia ke arah negara maju.

Agenda pemerksaan ini berpaksikan strategi lautan biru (*Blue Ocean Strategy*) dan dirancang secara terperinci dengan mengambilkira konsep *Eliminate, Reduce, Raise* dan *Create* bagi mengenal pasti pelan tindakan yang bermanfaat, mampu dilaksanakan dan berpotensi untuk merealisasikan wawasan negara. Strategi, tindakan serta sasaran pemerksaan yang bersifat menyeluruh akan menyerlahkan kolej komuniti sebagai institusi pilihan utama dalam bidang TVET dan meletakkan kolej komuniti di barisan hadapan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional.

Bagi tujuan tersebut kolej komuniti turut memfokuskan pembangunan sahsiah pelajar secara menyeluruh agar dapat melahirkan insan yang cemerlang dan seimbang. Seajar dengan ini, hasil pembelajaran di kolej komuniti merubah atribut pelajar kolej dengan melahirkan pelajar yang berketrampilan, mampu bekerja secara kumpulan, berfikiran kritis dan mempunyai tanggungjawab sosial.

Penekanan diberi kepada aspek keterlihatan (*visibility*) dan keterangkuman (*inclusiveness*) pelbagai kelompok komuniti, supaya tiada kelompok komuniti yang terpinggir (*no community is marginalised*). Fokus yang dikenal pasti adalah berdasarkan bidang-bidang tujahan (*niche areas*) kolej komuniti. Kejayaan usaha ini bergantung kuat kepada penggemblengan tenaga pakar yang wujud di kolej komuniti. Peranan utama kolej komuniti ialah untuk bertindak secara menyeluruh bersama pasukan teras di JPCK bagi mencapai sasaran dan menghayati perubahan ke arah kecemerlangan yang berterusan dan lestari.





BAB 1:
PENGENALAN





BAB 1 : PENGENALAN

Kolej Komuniti telah ditubuhkan melalui Memorandum No. 398/2225/00 yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. 12 buah kolej komuniti rintis telah mula beroperasi pada tahun 2001. Pada tahun 2004, Kabinet telah bersetuju menjadikan kolej komuniti sebagai **Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat**. Kini terdapat sejumlah 81 kolej komuniti di seluruh negara di bawah seliaan JPKK.

Antara objektif penubuhan kolej komuniti adalah :


1. Menyediakan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah dan pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal untuk mengikuti latihan dan pengajian dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional termasuk perdagangan, pertanian, kesihatan dan lain-lain;
2. Menyediakan pendidikan seumur hidup kepada individu dan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat;
3. Membolehkan syarikat-syarikat swasta menggunakan khidmat kolej komuniti untuk memberi latihan kepada pekerja mereka;
4. Mewujudkan kerjasama yang erat di antara ahli masyarakat, kerajaan tempatan dan sektor swasta bagi memajukan kawasan setempat;
5. Menyelaras latihan dan kemahiran yang disediakan oleh pelbagai kementerian supaya dapat memenuhi keperluan pasaran dan penduduk setempat;
6. Memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk menggunakan kemudahan yang disediakan kolej komuniti; dan
7. Memberi khidmat nasihat/kaunseling kepada masyarakat setempat bagi mempertingkatkan tahap pengetahuan dan perkembangan kerjaya mereka.

Secara keseluruhan peranan kolej komuniti boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Menawarkan kursus yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi setempat bagi melahirkan pekerja terlatih serta memberi peluang pendidikan di peringkat akar umbi;
2. Melahirkan pekerja berpengetahuan dan terlatih selaras dengan konsep k-ekonomi; dan
3. Peningkatan ilmu serta memenuhi masa lapang melalui kursus pendek.

Sistem pengajian kolej komuniti mempunyai lima ciri istimewa yang menyebabkan ianya berjaya menawan hati masyarakat setempat. Jadual 1-1 memaparkan secara lebih jelas ciri-ciri tersebut.

Jadual 1-1
5 CIRI SISTEM PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI



1 Keterbukaan	<ul style="list-style-type: none">• Sesiapa sahaja boleh mengikuti pengajian di kolej komuniti tanpa mengira pencapaian akademik, jantina, umur atau pekerjaan.
2 Program yang fleksibel	<ul style="list-style-type: none">• Fleksibel dari segi penyediaan kursus, masa, jangkamasa kursus dan kos pengajian.
3 Penawaran pelbagai program	<ul style="list-style-type: none">• Menawarkan pelbagai program bersesuaian dengan keadaan ekonomi sesebuah kawasan.
4 Perkongsian Pintar KK/Industri/NGO	<ul style="list-style-type: none">• Bekerjasama dengan pelbagai IPTA/IPTS, institut latihan daripada agensi kerajaan lain, kerajaan negeri, NGO dan penduduk tempatan.
5 Kemudahan Pemindahan Kredit	<ul style="list-style-type: none">• Pemindahan kredit dari satu kolej komuniti ke kolej komuniti yang lain, institusi latihan dan kementerian lain.

VISI DAN MISI SISTEM PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI

Menjadi peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional serta Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat menjelang 2015.

To champion Technical and Vocational Education and Training and become a Hub for Lifelong Learning by 2015.



VISI

MISI



Membangun komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih untuk memenuhi tuntutan dunia pekerjaan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Leveraging on Technical and Vocational Education and Training, and Lifelong Learning as a means of developing local communities into a knowledgeable and trained workforce to fulfill the demands of the world of work.

Rajah 1-1
SEDEKAD KOLEJ KOMUNITI (2001-2010)



Rajah 1-1 menunjukkan fasa pembangunan kolej komuniti sejak mula ditubuhkan pada tahun 2001 yang merangkumi 3 fasa sepertimana yang diterangkan di bawah ini.


FASA PENUBUHAN (2001–2006)

Pada peringkat awal kolej komuniti merupakan laluan alternatif kepada pendidikan tertiar yang memberi penekanan kepada pendidikan seumur hidup, latihan dan kemahiran melalui pelaksanaan kursus pendek dan penawaran Sijil Kolej Komuniti sepenuh masa yang mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam.

FASA PENJENAMAAN SEMULA (2007–2009)

Mesyuarat Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (*National Implementation Task Force - NITF*) pada 27 Jun 2006 telah menetapkan pelaksanaan Penjenamaan Semula Kolej Komuniti sebagai salah satu program berimpak tinggi di bawah RMKe-9. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- i. Memperkenalkan program *Work-Based Learning* dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
- ii. Memperkenalkan Kemudahan Elaun Pelajar bagi membantu pelajar kurang berkemampuan untuk menyambung pelajaran di kolej komuniti; dan
- iii. Menubuhkan kolej komuniti cawangan bagi menyebarkan perkhidmatan kolej komuniti.



Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Kolej Komuniti telah dilaksanakan pada 2 Februari 2007 di Dewan Milenium, Kepala Batas Pulau Pinang di mana buku yang bertajuk *Programme Charter : Rebranding of Community Colleges* telah dilancarkan. Buku tersebut menekankan **penambahbaikan kepada program sepenuh masa** di kolej komuniti. Pendekatan baharu ***Work-Based Learning*** (WBL) telah diperkenalkan dan memberi manfaat kepada industri, kolej komuniti dan pelajar.

FASA PENGUKUHAN (2010 - 2011)

Program Pengukuhan Kolej Komuniti telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 14 Julai 2010 bagi memperkukuh lagi peranan kolej komuniti sebagai institusi pendidikan dan latihan serta hab pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti setempat. Antara inisiatif yang berjaya dilaksanakan adalah penawaran Sijil Modular Kebangsaan (SMK) dan penubuhan Pusat Usahawan di semua kolej komuniti.

“Sistem kolej komuniti di Malaysia menyediakan peluang pendidikan lepas menengah dalam pelbagai kursus teknikal dan vokasional mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia. Kolej komuniti di seluruh negara yang berjumlah 59 buah memainkan peranan penting untuk menyediakan latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kepada masyarakat dalam pelbagai disiplin. Kolej juga menggalak pembelajaran sepanjang hayat kepada semua lapisan masyarakat dan kumpulan umur.

Dalam tempoh perancangan, Kerajaan memperkenalkan pendekatan yang lebih inovatif bagi kolej komuniti melalui pelaksanaan program modular yang membolehkan pelajar mengikuti pelbagai modul jangka pendek berasaskan keupayaan mereka... Hampir 70% daripada kandungan modul ini akan dilaksanakan secara latihan praktikal di industri atau di tempat kerja.”

Petikan dari
Dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh,
Bab 5: Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia (ms 243)





BAB 2:
PENUNTUT KOLEJ KOMUNITI



WARGA KK BANGGA
DENGAN
DOKTOR CHAN HAN

KEJAYAAN ANDA
KEBANGGAAN KAMI

WARGA KK BANGGA
DENGAN
DOKTOR CHAN HAN

KOLEJ KOMUNITI
HEBAT

JABATAN PENGAJIAN
KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

WARGA KK BANGGA
DENGAN
DOKTOR CHAN HAN

Bab 2 : PENUNTUT KOLEJ KOMUNITI

Senario pengajian di kolej komuniti adalah terbuka dan fleksibel serta meningkatkan peluang pembelajaran kepada semua lapisan masyarakat. Ini bermakna penuntut kolej komuniti bukan hanya terdiri daripada pelajar lepasan SPM, malah merangkumi pekerja industri, komuniti setempat, pesara, penganggur, belia, suri rumah, warga emas, orang kurang upaya, pelajar universiti mahupun pelajar sekolah. Mereka didefinisikan sebagai penuntut kolej komuniti sebaik sahaja mereka mendaftar di kolej komuniti.




Sejak penubuhan kolej komuniti dari tahun 2001, graduan Sijil Kolej Komuniti dan Diploma Kolej Komuniti (Jun 2003-Jun 2012) berjumlah 45,635 manakala sehingga 2012 Sijil Modular Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 2010 telah melahirkan seramai 30,381 lulusan. Secara keseluruhan sistem pengajian kolej komuniti telah menghasilkan seramai 76,016 graduan/lulusan yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa sepertimana yang ditunjukkan di dalam Jadual dan Rajah 2-1.

Jadual 2-1
JUMLAH GRADUAN/LULUSAN KOLEJ KOMUNITI JULAI 2001 - NOVEMBER 2012

Graduan SKK	Graduan Diploma WBL	Lulusan SMK
44,496	1,139	30,381

Rajah 2-1
JUMLAH GRADUAN/LULUSAN KOLEJ KOMUNITI
JULAI 2001 - NOVEMBER 2012



Jadual 2-2 dan Rajah 2-2 menunjukkan penyertaan dalam program PSH mulai 2002-2012. Sejak PSH diperkenalkan di kolej komuniti, sistem pengajian kolej komuniti telah melatih seramai 1,000,646 orang tanpa mengira umur, kaum dan latar belakang ekonomi atau pendidikan. Sehingga November 2012, jumlah penyertaan PSH ialah 176,050 peserta. Daripada jumlah tersebut 15,893 atau 9.03 peratus merupakan penyertaan melebihi dua kali. Jumlah ini menunjukkan keyakinan komuniti setempat terhadap kredibiliti, kerelevanan dan kualiti program PSH yang dijalankan di kolej komuniti.

Jadual 2-2


PENYERTAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (2002 - NOVEMBER 2012)

Tahun	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012*
Penyertaan	1,771	8,216	23,907	46,512	71,684	102,445	106,814	121,003	123,061	219,183	176,050

* Sehingga November 2012

Rajah 2-2

PENYERTAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (2002 - NOVEMBER 2012)




* Sehingga November 2012

Jadual 2-3
KOMPOSISI PENUNTUT KOLEJ KOMUNITI JULAI 2001 - NOVEMBER 2012

Komposisi Penuntut Kolej Komuniti (Julai 2001 - November 2012)			
Graduan SKK	Graduan Diploma WBL	Lulusan SMK	Peserta PSH
44,496	1,139	30,381	1,000,646

Rajah 2-3
KOMPOSISI PENUNTUT KOLEJ KOMUNITI JULAI 2001 - NOVEMBER 2012



Jadual 2-3 dan Rajah 2-3 di atas menunjukkan komposisi penuntut kolej komuniti sejak Julai 2001 hingga November 2012. Dalam tempoh tersebut, kolej komuniti telah melatih lebih daripada satu juta penuntut dan menghasilkan graduan SKK (44,496), graduan Diploma WBL (1,139), lulusan SMK (30,381) dan peserta PSH (1,000,646). Sepertimana yang dipamerkan oleh Jadual 2-3 dan Rajah 2-3 di atas, sebahagian besar daripada penuntut kolej komuniti ialah peserta program PSH. Walaupun program PSH mendapat tumpuan daripada komuniti setempat, program pengajian sepenuh masa juga menjadi pilihan kerana menawarkan fleksibiliti dan peluang meningkatkan kemahiran serta laluan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.



BAB 3:
AGENDA PEMERKASAAN 2013-2015



ESER



**EKSPEDISI
SENI**
Endau-Rompin



BAB 3 : AGENDA PEMERKASAAN 2013-2015

Malaysia sedang giat meningkatkan usaha mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Dalam RMKe-10, kerajaan telah menetapkan bahawa latihan dan pendidikan teknikal dan vokasional diurus perdanakan bagi merealisasikan ekonomi berpendapatan tinggi. Hasrat ini akan tercapai jika kemahiran pekerja khususnya pelajar lepasan sekolah adalah pada tahap tertinggi semasa mereka menceburi alam pekerjaan.

Oleh yang demikian, langkah-langkah yang lebih strategik harus diambil secara berterusan untuk mencapai matlamat tersebut. Secara tidak langsung ini merupakan satu cabaran kepada kolej komuniti untuk meningkatkan kualiti pengajian bagi memperbaiki tahap kemahiran dan kompetensi graduan yang dihasilkan ke arah memenuhi kehendak industri. Penekanan khusus diberi kepada pembangunan modal insan melalui usaha mengarusperdana TVET bagi merealisasikan ekonomi berpendapatan tinggi. Dari aspek menekankan pembangunan insan secara holistik, sistem pengajian kolej komuniti memfokuskan penerapan nilai murni dalam kurikulum mahupun aktiviti pelajar.

Hakikatnya, persediaan ke alam pekerjaan bagi kebanyakan rakyat di negara maju berasaskan bidang TVET. Walau bagaimanapun, rata-rata masyarakat Malaysia masih lagi mempunyai persepsi kurang tepat terhadap bidang tersebut sepertimana petikan ucapan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2010.



"Di negara maju, pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebenarnya menjadi antara pilihan utama pelajar kerana ianya menyediakan prospek kerjaya yang baik. Sebaliknya di negara kita, ianya dilihat sebagai pilihan terakhir kerana persepsi prospek kerjaya yang terhad. Andaian negatif ini harus disangkalkan. Pendidikan teknikal dan vokasional sebenarnya menyediakan landasan alternatif yang baik bagi para pelajar merealisasikan potensi mereka."

Petikan Ucapan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh
YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

Mengikut saranan YAB Perdana Menteri, persepsi negatif ini perlu dikikis kerana TVET kini menyediakan tenaga kerja dengan latihan secukupnya untuk memasuki pasaran kerja dan prospek serta laluan kerjaya yang amat baik. Dengan pendidikan dan latihan yang disediakan oleh kolej komuniti, tenaga kerja yang dihasilkan berupaya menjadi terlatih dan kompeten, serta mempunyai nilai tambah untuk menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.


Oleh yang demikian, suatu anjakan paradigma dalam pemikiran warga Malaysia harus berlaku demi memartabatkan kolej komuniti dan graduan/lulusan yang dihasilkan, serta meletakkan kelayakan mereka setaraf dengan kelayakan yang dianugerah oleh institusi pengajian tinggi tempatan lain pada peringkat yang sama. Kolej komuniti perlu memastikan bahawa TVET merupakan satu laluan alternatif untuk pendidikan tertiar.

Sehubungan dengan itu pelbagai usaha harus diteruskan untuk meningkatkan keterlihatan kolej komuniti dengan menggunakan kelebihan yang terdapat di kolej komuniti untuk menarik lebih ramai penyertaan pengajian sepenuh masa supaya kekal *relevant*, *referred* dan *respected*. Justeru, kolej komuniti komited untuk menjadi pemacu pembangunan modal insan, melahirkan graduan/lulusan berkemahiran mengikut kehendak industri dan menghasilkan generasi yang menguasai teknologi sekaligus memperbetul persepsi awam terhadap sistem pengajian kolej komuniti.

FASA PEMERKASAAN DALAM KONTEKS PERKEMBANGAN KOLEJ KOMUNITI

Fasa Pemerksaan Kolej Komuniti merupakan suatu kesinambungan kepada proses untuk meningkatkan pencapaian institusi kolej komuniti sebagai pembekal utama TVET dan hab Pembelajaran Sepanjang Hayat. Keutamaan diberikan kepada penggembleran tenaga bagi mencapai peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang disediakan. Pendidikan sepanjang hayat akan terus diperkukuh dan TVET diarusperdana dan diperluas bagi meningkatkan imej kolej komuniti dari perspektif masyarakat umum. Fokus lain yang turut diberi keutamaan bagi memartabatkan kolej komuniti ialah keberkesanan organisasi, keupayaan dan daya saing komuniti, kerjasama strategik serta peningkatan pembangunan kapasiti dan bakat.

Rajah 3-1
KESINAMBUNGAN PERKEMBANGAN KOLEJ KOMUNITI 2001-2015



MATLAMAT PEMERKASAAN

Senario pengajian di kolej komuniti adalah terbuka dan fleksibel bagi memastikan peningkatan peluang pembelajaran kepada semua lapisan masyarakat. Pemerksaan Kolej Komuniti bertujuan untuk memberi manfaat kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti seperti berikut:

Menghasilkan **GRADUAN/LULUSAN** yang

- Mampu merealisasikan potensi diri secara holistik;
- Bersedia memainkan peranan positif ke arah pembangunan negara; dan
- Mengamalkan nilai-nilai kewarganegaraan (*good citizenship*)

1

Mewujudkan **KOMUNITI** yang

- Berpengetahuan;
- Berkemahiran;
- Berdaya saing; dan
- Diberi pengupayaan (*empowerment*)

2

Rajah 3-2
MATLAMAT PEMERKASAAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI 2013 - 2015

Memastikan Kolej Komuniti menjadi sebuah **ORGANISASI** yang

- Relevan serta memberi pengaruh positif kepada masyarakat;
- Responsif terhadap kehendak masyarakat; dan
- Dinamik dan dirujuk oleh masyarakat

3

Menarik dan memperkukuh hubungan **INDUSTRI** ke arah


- Penerimaan graduan / lulusan kolej komuniti untuk memenuhi pasaran pekerjaan; dan
- Penjalinan hubungan sistemik yang berkesan dan berterusan

4

Memenuhi hasrat **NEGARA** iaitu menghasilkan tenaga kerja berpengetahuan, terlatih dan berketrampilan menjelang 2020

5

Rajah 3-3
KERANGKA PEMERKASAAN KOLEJ KOMUNITI 2013-2015



Kerangka pemerksaan kolej komuniti di atas (Rajah 3-3) memaparkan hubungkait yang wujud antara pelbagai dasar kerajaan dengan Misi dan Visi sistem pengajian kolej komuniti melalui enam teras yang mendukung matlamat kolej komuniti.

Kerangka pemerkasaan kolej komuniti ini dibangunkan ke arah melahirkan pekerja berpengetahuan, berkemahiran, berketrampilan, berdaya saing dan berkepemimpinan menerusi pendidikan dan latihan yang bersepadu. Justeru ianya memerlukan enam teras seperti berikut untuk mendukung pencapaian berkenaan:

- Memperkasa Pembelajaran Sepanjang Hayat;
- Mengarusperdana dan Memperluas Akses Kepada TVET;
- Meningkatkan Keberkesanan Organisasi;
- Meningkatkan Keupayaan dan Daya Saing Komuniti;
- Memperkukuh Kerjasama Strategik dengan Rakan Industri dan Agensi; dan
- Meningkatkan Kapasiti dan Bakat.

Berlandaskan dasar-dasar kerajaan dan pelaksanaan enam teras di atas secara optimum, agenda pemerkasaan ini mampu menjadikan JPKK dan kolej komuniti sebagai institusi TVET yang mapan, *relevant*, *referred* dan *respected*.

KEYAKINAN INDUSTRI TERHADAP LULUSAN KOLEJ KOMUNITI



Seramai 17 orang kohort pertama lulusan SMK bidang bakeri dari Kolej Komuniti Selayang telah diberi biasiswa sebanyak RM400.00 sebulan. Semua lulusan SMK bidang bakeri termasuk yang mempunyai masalah pendengaran diberi peluang untuk memohon pembiayaan pendidikan. Mereka ditawarkan pekerjaan di kiosk-kiosk Big Apple Coffee and Donut seluruh negara. Gaji permulaan ialah sebanyak RM950.00 termasuk kemudahan penginapan, pakaian seragam dan elaun makan.




ATRIBUT PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

Pelajar kolej komuniti rata-ratanya mempunyai daya kreativiti serta berbakat. Mereka bukan sahaja mesra dalam pergaulan dan berani mencuba, malah mempamerkan sifat keterbukaan dan bersedia untuk dibentuk. Atribut utama pelajar kolej komuniti disenaraikan seperti di bawah ini:

- Berani mencuba;
- Kreatif dan berbakat;
- Mesra dalam pergaulan; dan
- Berfikiran terbuka.

Agenda pemerksaan ini akan memberi nilai tambah kepada atribut utama pelajar kolej komuniti sedia ada dengan menyemarakkan lagi atribut mereka. Pengalaman dan pengajian di kolej komuniti akan mendedahkan semua pelajar dengan atribut tambahan seperti di bawah ini:

Rajah 3-4
ATRIBUT NILAI TAMBAH PELAJAR KOLEJ KOMUNITI



Proses penyemaran ini melibatkan pengukuhan atribut sedia ada dan memperkayakannya dengan atribut yang memberi nilai tambah kepada pelajar. Sebagai contoh atribut utama pelajar seperti berani mencuba akan diperkembangkan sehingga merangkumi aspek-aspek pengurusan maklumat, proaktif, berkemahiran dan menyelesaikan masalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3-5:

Rajah 3-5
ATRIBUT PELAJAR YANG MERANGKUMI ATRIBUT UTAMA DAN NILAI TAMBAH



ATRIBUT UTAMA	NILAI TAMBAH
 BERANI MENCUBA	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Maklumat • Proaktif • Penyelesaian Masalah • Berkemahiran
 KREATIF DAN BERBAKAT	<ul style="list-style-type: none"> • Berkemandirian (<i>Enterprising</i>) • Berani Mengambil Risiko • Inovatif
 MESRA DALAM PERGAULAN	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja berpasukan • Prihatin • Bertanggungjawab Sosial • Kesukarelawanan
 BERFIKIRAN TERBUKA	<ul style="list-style-type: none"> • Berpengetahuan • Berkeyakinan • Berdikari • Berfikiran Kritis • Berciri Keusahawanan



Rajah 3-6 di bawah ini menunjukkan fasa pembangunan atribut pelajar kolej komuniti. Fasa pembangunan atribut tersebut adalah berdasarkan tempoh pengajian pelajar dan terbahagi kepada tiga iaitu fasa awal, pertengahan dan akhir. Setiap fasa akan memberi nilai tambah kepada pelajar berasaskan pendedahan kepada atribut yang ingin dibangunkan dan diterapkan.

Rajah 3-6
FASA PEMBANGUNAN ATRIBUT PELAJAR KOLEJ KOMUNITI









BAB 4: TERAS 1
MEMPERKASA PEMBELAJARAN SEPANJANG
HAYAT





BAB 4 : TERAS 1

MEMPERKASA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Asas penubuhan dan kepentingan Projek Agenda Kritikal (CAP) Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah bagi membudayakan PSH dan memperkasa program dan aktiviti PSH melalui :

- Peningkatan kesedaran dan penyertaan PSH
- Pewujudan mekanisme dan infrastruktur yang dapat memudah cara serta memberi pengiktirafan dan akreditasi PSH
- Penyelarasan program PSH oleh semua institusi / agensi di bawah KPT agar tiada pertindihan program dan aktiviti
- Penggalakkan perkongsian sumber dan infrastruktur dalam melaksanakan PSH
- Sokongan kewangan dan insentif yang sewajarnya
- Pemantauan program dan aktiviti PSH secara berkala

Sumber dari PSPTN Fasa 2 (2011-2015), muka surat 113

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menggariskan pembelajaran sepanjang hayat sebagai satu gaya hidup masyarakat Malaysia bagi melengkapkan individu dengan ilmu dan kemahiran sepanjang hayat. Bagi mencapai hasrat PSPTN dan selaras dengan objektif penubuhannya, kolej komuniti wajar mengambil inisiatif untuk memperkasa pembelajaran sepanjang hayat supaya pelaksanaannya lebih sistematik. Sehubungan dengan itu, memperkasa pembelajaran sepanjang hayat dikenal pasti sebagai teras pertama bagi memastikan kewujudan akses dan ekuiti kepada pendidikan berterusan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

“UNESCO promotes TVET and skills development for the world of work within a broader framework of lifelong learning”

Sumber dari UNESCO- UNEVOC

<http://www.unesco.org/new/en/education/themes/education-building-blocks/unesco-tvet/>

Berdasarkan Buku Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Nasional 2011-2020, Kementerian Pengajian Tinggi mengkategorikan program-program PSH kepada empat kluster. Kolej Komuniti terlibat di dalam kluster kedua dan ketiga. Program Sijil Modular Kebangsaan yang ditawarkan di kolej komuniti yang berbentuk teknikal dan kemahiran tidak lebih dari 6 bulan merupakan kluster kedua. Sementara program kursus-kursus pendek yang diikuti oleh komuniti setempat bertujuan peningkatan ilmu dan kemahiran bagi pembangunan diri adalah di bawah kluster ketiga.

Dua strategi dikenal pasti bagi mencapai teras ini, iaitu:

- Memantapkan pelaksanaan PSH; dan
- Mempertingkatkan kualiti penyampaian PSH

Pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran PSH, yang berkualiti serta memenuhi piawai negara di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), perlu dititikberatkan bagi semua program PSH. Pada tahun 2012, MQF membina kerangka kelayakan PSH di bawah laluan *Recognition of Prior Learning* (RPL) dan juga *Accreditation of Prior Learning* (APEL). Justeru, inisiatif pemerksaan pembelajaran sepanjang hayat yang dirancang perlu seiring dengan keperluan semasa dan akan datang dengan mengambil kira keperluan menyediakan garis panduan berikut:

- Pengendalian dan penilaian kursus pendek;
- Garis panduan perakuan kredit; dan
- Garis panduan penyediaan portfolio peserta.

Dalam usaha untuk memperkasa program sepanjang hayat ini juga, kolej komuniti akan mengendali dan memperbanyak program yang berunsur inovatif dan kreatif serta menumpu kepada bidang tujuhan utama setempat bagi:

- Meningkatkan pendapatan isi rumah;
- Memperluas peluang kebolehdapatan pekerjaan;
- Meningkatkan kemahiran pekerja di kawasan setempat (*upskilling*); dan
- Melengkapkan komuniti dengan ilmu keusahawanan dan kemandirian (*enterprising*).


Bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian pembelajaran dan pengajaran PSH, terdapat keperluan untuk menambah baik sistem pemantauan pelaksanaan kursus pendek secara berterusan. Pelaksanaan Inventori *Learning Arena* dan *Learn and Practice* akan memperkukuh mekanisme dan kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran Program PSH tersebut. Bagi tujuan ini, pelaksanaan fail rekod pensyarah di semua kolej komuniti perlu diteruskan dan dimantapkan. Tahap keberkesanan kursus pendek yang telah dilaksanakan perlu dikenal pasti dengan menjalankan satu kajian impak.

Penekanan ke arah meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kolej komuniti boleh diterjemahkan dalam penulisan ilmiah berbentuk Jurnal PSH dan diterbitkan secara berkala.

PROGRAM LATIHAN 1MALAYSIA 2011

Pada tahun 2011, sebanyak 73 buah Kolej Komuniti telah terlibat dalam program pembudayaan PSH melalui pelaksanaan Program Latihan 1Malaysia (PL1M). PL1M menumpukan kepada 3 program utama iaitu Bahasa, Kesenian dan Kebudayaan serta Kemahiran dengan tujuan menerapkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan komuniti. PL1M telah berjaya melibatkan seramai 219,183 penyertaan dalam 11,076 kursus pelbagai bidang. Perangkaan dari sistem pangkalan data kursus pendek (ePSH) Kolej Komuniti menunjukkan seramai 67.8% penyertaan PL1M adalah terdiri daripada golongan belia berumur 15 – 40 tahun (148,609 penyertaan).

Penyertaan Program Latihan 1Malaysia 2011 Mengikut Jenis Program



Hasil maklum balas yang diperolehi daripada soal selidik bekas peserta yang mengikuti PL1M adalah kemampuan mereka meningkatkan keyakinan diri, menjana pendapatan dan nilai tambah yang lain. Oleh itu memang wajar program-program sebegini diteruskan bagi menggalakkan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan komuniti dan seterusnya menjana pembangunan modal insan negara.

KISAH KEJAYAAN SEORANG PELAJAR KELAINAN UPAYA



Usahawan berjaya dalam kalangan peserta golongan kurang upaya ialah En. Yusri bin Mohd Shapiee. Beliau mengalami masalah pendengaran sejak lahir lagi. Setelah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sungai Kob, beliau meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Syed Ahmad Al-Bokhari, Alor Setar sehingga Tingkatan 3 (Pendidikan Khas). Kemudian beliau menyambung pendidikan ke Tingkatan 4 dan 5 (Pendidikan Khas) di Sekolah Menengah Shah Alam Seksyen 17. Selepas tamat persekolahan, beliau telah mendapat pekerjaan sebagai operator pengeluaran di Kilang Panasonic Kuala Lumpur dan bekerja di sana selama 7 tahun.

Selepas 7 tahun melakukan kerja yang serupa saban hari, beliau terpenggil untuk mencari ilmu baharu yang dapat membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Justeru, En. Yusri telah mengambil keputusan untuk memohon sebagai peserta Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Bandar di Kolej Komuniti Kulim pada tahun 2008. Beliau telah dipilih untuk mengikuti kursus jahitan langsir dan keusahawanan di Kolej Komuniti Kulim selama 6 bulan. Kini, En. Yusri telah berjaya membuka perniagaan sendiri, Yus Kekasih Enterprise yang menumpu kepada bidang jahitan kreatif. Menurut En. Yusri, beliau merasa amat bertuah dan berpuas hati kerana berpeluang mengikuti program ini di kolej komuniti. Ia bukan sahaja telah membantu beliau berdikari dan mampu menguruskan perniagaan sendiri tetapi yang lebih penting menyumbang kepada peningkatan pendapatan beliau sekeluarga.

KISAH SINAR-ASNAF



Bertempat di Kolej Komuniti Gerik, Program Keusahawanan SINAR ASNAF telah diadakan selama 6 bulan iaitu dari Julai hingga Disember 2010. Peserta yang terdiri dari anak-anak penerima zakat telah mengikuti dua kursus kemahiran iaitu kursus fesyen (jahitan baju kurung) dan kursus pembuatan perabot. Program ini diadakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Ia bertujuan bagi mengeluarkan golongan asnaf penerima zakat kepada golongan yang membayar zakat. Berbekalkan kemahiran yang telah dipelajari, peserta kursus dapat menggunakan kemahiran teknikal tersebut seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah.

**Jadual 4-1: Teras 1
MEMPERKASA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA
Memantapkan pelaksanaan PSH	Merancang dan menyelaraskan kandungan dokumen modul pengajaran PSH	Nota Pengajaran Modul bagi 9 bidang didokumenkan	2014	JPKK
		50% daripada kursus pendek yang ditawarkan dalam 9 bidang tumpuan menggunakan kurikulum SMK	2015	KK
	Menyediakan garis panduan pelaksanaan PSH berdasarkan kriteria APEL	Garis Panduan Pengendalian dan Penilaian Kursus Pendek Selaras MQA	2014	Bahagian Peperiksaan dan Penilaian JPKK
Mempertingkatkan kualiti penyampaian	Menambahbaik sistem pemantauan pelaksanaan kursus pendek	Portal ePSH disediakan	2013	JPKK
		Penambahan fungsi dalam sistem ePSH.	2013	JPKK
	Memperkuhuk mekanisme dan kaedah penyampaian kursus pendek	Fail Rekod Pensyarah (FRP) PSH diwujudkan di semua KK	2013	KK
		Kajian impak berkaitan keberkesanan kursus pendek	2015	JPKK dan KK
	Memartabatkan PSH di kalangan warga kolej komuniti	Satu Jurnal PSH setahun	2013 - 2015	JPKK dan KK







BAB 5: TERAS 2

MENGARUSPERDANA DAN MEMPERLUAS AKSES KEPADA TVET





BAB 5 : TERAS 2

MENGARUSPERDANA DAN MEMPERLUAS AKSES KEPADA TVET

“Technical and vocational education is used as a comprehensive term referring to those aspects of the educational process involving, in addition to general education, the study of technologies and related sciences, and the acquisition of practical skills, attitudes, understanding and knowledge relating to occupations in various sectors of economic and social life.” (UNESCO, ‘Revised Recommendation Concerning Technical and Vocational Education (2001)’, in Normative instruments concerning Technical and Vocational Education, UNESCO 2005, page 7).

Definisi TVET yang luas seperti di atas merujuk kepada pengalaman pembelajaran yang relevan kepada dunia pekerjaan. Pengalaman pembelajaran tersebut berlaku dalam pelbagai konteks pembelajaran termasuklah di institusi pengajian dan tempat kerja. Selain itu tuntutan globalisasi yang bertambah kompleks, perubahan sosial dan ekonomi memberi implikasi yang signifikan kepada TVET.

TVET merupakan salah satu fokus utama kerajaan dalam pembangunan modal insan. Secara tidak langsung, kerelevanan TVET dapat ditingkatkan dalam sistem pengajian di Malaysia khususnya bagi sistem pengajian di kolej komuniti. Kolej komuniti berperanan untuk menyediakan akses yang lebih luas kepada semua anggota masyarakat termasuk golongan orang kurang upaya, graduan universiti dan pekerja industri. Dengan cara demikian ia menjadi pilihan alternatif selari dengan aliran akademik.

Teras ini menggariskan strategi bagi menghasilkan program pengajian yang berkualiti dan merangkumi aspek struktur program yang tersusun, sistem pembelajaran dan pengajaran yang terkini dan menitikberatkan kebajikan pelajar. Tiga strategi dikenal pasti bagi mencapai teras ini, iaitu:

- Pemerksaan kurikulum bagi program Sijil Kolej Komuniti (SKK) dan Sijil Modular Kebangsaan (SMK);
- Penambahbaikan kaedah pembelajaran dan pengajaran; dan
- Penyediaan laluan melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi.

Pemerksaan Kurikulum bagi Program Sijil Kolej Komuniti (SKK) dan Sijil Modular Kebangsaan (SMK)

Pembangunan kurikulum bagi program Sijil Kolej Komuniti telah melalui proses pengukuhan seiring dengan Program Pengukuhan JPKK tahun 2010. Kurikulum yang telah dihasilkan telah melalui beberapa proses pembaharuan iaitu penglibatan:

- industri;
- pertubuhan kerajaan; dan
- persatuan-persatuan berdaftar.

Pihak yang dinyatakan di atas juga terlibat dalam membangunkan kurikulum dan proses validasi kurikulum tersebut. Dengan pemerksaan kurikulum ini, tempoh pengajian telah ditetapkan dengan mengambil kira pandangan industri serta mengikut standard yang telah dikeluarkan oleh MQA.

PROGRAM SIJIL KOLEJ KOMUNITI (SKK) DAN SIJIL MODULAR KEBANGSAAN (SMK)

Program SKK dan SMK menekankan aspek kompetensi teknikal dan pengetahuan. Bagi program SKK(M) dan SMK pendekatan P&P adalah secara *hands-on* dan mengguna pakai kaedah Pembelajaran Berasaskan Tindakan (*Action Oriented Learning*) dan *Authentic Learning*.


Sijil Kolej Komuniti

Kolej Komuniti menawarkan SKK yang boleh diikuti dalam dua bentuk iaitu:

i) Sijil Kolej Komuniti Berterusan, SKK(T)

Sistem pengajian di kolej komuniti memberi pilihan kepada pelajar mengikuti pengajian secara sepenuh masa dan berterusan selama tiga semester di kolej komuniti. Bagi melengkapkan SKK(T) pelajar perlu mengikuti latihan industri selama 16 minggu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5-1.


Rajah 5-1
KERANGKA PENGAJIAN SIJIL KOLEJ KOMUNITI BERTERUSAN



ii) Sijil Kolej Komuniti Bermodular, SKK(M)

Sistem pengajian di kolej komuniti menyediakan laluan untuk pelajar mengumpul modul pembelajaran dalam sesuatu bidang dari kolej komuniti yang menawarkannya. Pelajar hanya akan dianugerahkan SKK(M) apabila telah lulus semua modul dalam bidang berkaitan, lulus Program Wajib Kolej (PWK) serta mempunyai kelulusan SPM seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5-2. Penganugerahan SKK(M) tidak tertakluk kepada satu tempoh tertentu dan pelajar diberi kelonggaran untuk mengambil modul di kolej komuniti lain yang menawarkannya.


Rajah 5-2
KERANGKA PENGAJIAN SIJIL KOLEJ KOMUNITI BERMODULAR



Sijil Modular Kebangsaan


SMK dibangunkan berasaskan proses kerja sebenar seiring dengan keperluan terkini industri yang memerlukan tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih. Penyertaan SMK terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 17 tahun ke atas, tanpa mengira latar belakang ekonomi dan pendidikan. Setiap program SMK merupakan modul tunggal (*stand alone*).

Rajah 5-3
SMK MODUL TUNGGAL



Setiap modul SMK adalah modul pembelajaran yang mengutamakan aktiviti *hands-on*. Walaupun SMK modul tunggal ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat untuk memperoleh ilmu dan kemahiran, ianya dirangka khusus bagi pekerja daripada industri untuk mengikuti latihan *upskilling & reskilling* secara fleksibel.

Rajah 5-4
LALUAN MELANJUTKAN PENGAJIAN BAGI PELAJAR SKK



LALUAN MELANJUTKAN PENGAJIAN

Graduan SKK(T) dan SKK(M) disediakan laluan melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5-4. Program SKK membuka peluang kepada graduan untuk menyambung pengajian ke peringkat diploma di politeknik, MTUN mahupun IPT dan seterusnya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam sistem pengajian kolej komuniti berasaskan proses kerja sebenar dan menjurus kepada kemahiran tertentu dengan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran antaranya *Outcome Based Education* (OBE), *Action Oriented Learning* (AOL), *Authentic Learning* dan *Problem Based Learning* (PBL) bagi melahirkan graduan/ lulusan yang kompeten.

Di samping penawaran program SMK dan SKK, JPJK juga akan melaksanakan program peringkat diploma dalam mod *Work-Based Learning* (WBL). Beberapa bidang yang mempunyai permintaan tinggi dari industri dan merupakan bidang tujahan di kolej komuniti akan dibangunkan mulai tahun 2013.

PENAJAAN

Pelajar SKK(M) di kolej komuniti yang memenuhi syarat, layak menerima elaun wang saku sebanyak RM250 seorang bagi setiap bulan. Kemudahan ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat KK/BPB(6.01)202-6Jd.2 s.k 1(4) pada 11 Ogos 2011.

Bagi pelajar yang mendaftar untuk mengikuti program SKK(T), terdapat dua bentuk penajaan iaitu Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) dan Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP). Pelajar SKK di kolej komuniti yang memenuhi syarat, layak menerima BKPKK pada kadar RM1,200 seorang setiap semester. Manakala pelajar yang tidak mendapat BKPKK boleh memohon TPP. Jumlah pinjaman ialah pada kadar RM1,200 seorang pelajar setiap semester.

Pelajar orang kurang upaya (OKU) yang mendaftar untuk sijil sepenuh masa di kolej komuniti layak menerima elaun pelajar OKU sebanyak RM300 sebulan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian.

PENGIKTIRAFAN BADAN PROFESIONAL/PENTAULIAHAN

Sehingga Julai 2012, peserta program Pendawaian Permukaan Fasa Tunggal (PW2) telah berjaya dianugerahkan sijil pentauliahan daripada Suruhanjaya Tenaga. Program ini sedang dilaksanakan di dua buah kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Kuantan dan Kolej Komuniti Jelevu. Inisiatif seperti ini bakal diperluas amalannya ke bidang-bidang lain yang bersesuaian. Jadual 5-1 menunjukkan penyertaan Program Pendawaian Fasa Tunggal (PW2) di kedua-dua buah kolej berkenaan.

Rajah 5-1
PESERTA PROGRAM PENDAWAIAN FASA TUNGGAL (PW2)

Kolej Komuniti	Tahun	2010	2011	2012
Kolej Komuniti Jelevu		24	41	63
Kolej Komuniti Kuantan		-	-	53

Jadual 5-1: Teras 2
MENGARUSPERDANA DAN MEMPERLUAS AKSES KEPADA TVET

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA	
Pemeriksaan kurikulum bagi program Sijil Modular Kebangsaan (SMK) dan Sijil Kolej Komuniti (SKK)	Mendapat Pengiktirafan MQA	26 SKK(M)	2013-2014	JPKK	
		3 SKK(T)	2014	JPKK	
		Diploma WBL	2014	JPKK	
	Mendapat Pensijilan Badan Profesional / Pentauliahan	2 program mendapat pensijilan	2013	KK	
	Penyemakan kurikulum secara berkala	Menetapkan keanggotaan ahli Panel Penggubal Kurikulum : a. Industri b. Wakil politeknik / universiti c. Wakil kolej komuniti d. Wakil masyarakat	8 bidang kurikulum SKK(M) yang disemak (Fasa 1)	2014-2015	JPKK
			Mewujudkan Lembaga Kurikulum	Lembaga Kurikulum diwujudkan	2014-2015
	Melaksanakan Kajian Peningkatan Kualiti Berterusan Terhadap Program	Menetapkan keanggotaan ahli Lembaga Kurikulum : a. Industri 30%, b. Wakil politeknik / universiti 30%, c. Wakil kolej komuniti 40%		2014-2015	JPKK
				2015	JPKK dan KK
	Penambahbaikan kaedah pembelajaran dan pengajaran	Melatih pensyarah dalam mod Pembelajaran & Pengajaran <i>Action Oriented Learning</i> (AOL)	50% pensyarah dilatih dalam AOL	2014	JPKK dan KK
			Mempelbagaikan pendekatan Pembelajaran & Pengajaran seperti <i>Problem Based Learning</i> , <i>Project Based Learning</i> dan <i>e-Learning</i>	5% pensyarah yang dilatih dalam <i>Problem Based Learning</i> dan <i>Project Based Learning</i>	2015
		3 program dilaksanakan	2014	JPKK dan KK	
		3 SMK ditawarkan secara mod atas talian (<i>e-learning</i>).	2015	JPKK dan KK	
Menempatkan pelajar di industri selama 10% daripada <i>Student Learning Time</i> (SLT)		Menggubal garis panduan		2013	JPKK
			5 bidang yang terlibat (secara kumulatif)	2015	JPKK dan KK

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA
	Pembangunan kompetensi tenaga pengajar	100% tenaga pengajar perlu mengikuti kursus pedagogi dan andragogi setiap 3 tahun sekali	2013-2015	JPKK dan KK
		100% tenaga pengajar yang terlibat dengan OKU mempunyai sijil kemahiran melatih OKU	2013- 2015	JPKK dan KK
	Menempatkan bilangan tenaga pengajar mencukupi	Norma perjawatan disediakan	2013	JPKK
		Bilangan tenaga pengajar berdasarkan norma yang ditetapkan.	2014	JPKK dan KK
Penyediaan laluan melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi	Tambahan laluan untuk kemasukan ke MTUN dan IPTA lain	MTUN dan 2 IPTA dalam bidang berkaitan.	2014	JPKK

PEMBINA BERKOLABORASI DENGAN KOLEJ KOMUNITI UNTUK PROJEK PUNCAK

Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan golongan muda tidak tercicir dan diberi peluang untuk mempelajari kemahiran. Hasil usahasama antara PEMBINA dengan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, pelajar-pelajar yang dipilih telah diberi peluang dan bimbingan untuk belajar di beberapa kolej komuniti yang terlibat iaitu di Selangor, Perak, Pahang, Johor dan Kedah. Pada 7 Jun 2012 satu majlis simbolik penyerahan surat tawaran kepada calon ke institusi Kemahiran yang terlibat telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati (Parlimen Gombak) oleh Timbalan Perdana Menteri. Sehingga kini seramai 24 orang pelajar telah mengikuti program ini. Di antara kursus-kursus yang mereka ikuti adalah program kulineri, senibina, rangkaian komputer, servis kenderaan ringan dan animasi 3D.



ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) 2012 di JAKARTA, INDONESIA 11 - 17 November 2012



Ooi Chian Jian

Pelajar Kolej Komuniti Langkawi

Pemenang pingat perak dalam bidang Perkhidmatan Restoran ASEAN *Skills Competition* (ASC)
2012 di Jakarta, Indonesia





BAB 6: TERAS 3

MENINGKATKAN KEBERKESANAN ORGANISASI





BAB 6 : TERAS 3

MENINGKATKAN KEBERKESANAN ORGANISASI

Pada tahun 2009, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah dipisahkan dan ditubuhkan sebagai dua jabatan berasingan iaitu Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK). Sebagai sebuah jabatan baharu, JPKK memikul pelbagai fungsi dan mendepani cabaran dalam membina sebuah organisasi pembelajaran (*learning organisation*).

Struktur organisasi JPKK pada ketika ini sedang disusun semula agar jabatan dan kolej komuniti boleh berfungsi dengan lebih berkesan. Penambahbaikan struktur organisasi di JPKK dan kolej komuniti diperlukan untuk meningkatkan koresponsifan dan keberkesanan organisasi secara keseluruhan.

Cadangan perubahan struktur dan perubahan perjawatan telah dibentangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pada bulan Februari 2012. Lanjutan itu cadangan tersebut dizahirkan dalam perancangan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015.

Empat strategi dikenal pasti bagi mencapai teras ini, iaitu:

- Penjajaran semula fungsi dan struktur JPKK dan kolej komuniti;
- Pelaksanaan penarafan kolej komuniti;
- Pemantapan penyampaian latihan dalam bidang tujahan; dan
- Peningkatan imej.

PENAJARAN FUNGSI DAN STRUKTUR JPKK DAN KOLEJ KOMUNITI

Walaupun mempunyai kelebihan dan kekuatannya tersendiri, JPKK dan kolej komuniti menyedari perlunya pengembangan program pengajian sedia ada; terutamanya dari perspektif sektor industri. Program yang dipacu industri atau *industry driven* akan meningkatkan kualiti graduan yang dihasilkan serta tahap kebolehdapatan pekerjaan dan kebolehpasaran graduan. Secara tidak langsung, graduan yang berkualiti tinggi akan ditawarkan gaji yang lumayan.

Semua kolej komuniti perlu mengenal pasti bidang tujuhan (*niche areas*) masing-masing berdasarkan kekuatan yang terdapat di institusi masing-masing. Kepakaran pensyarah-pensyarah perlu digilap sejajar dengan tuntutan pembangunan bidang tujuhan agar kolej komuniti dimartabatkan sebagai pusat rujukan dalam bidang-bidang tersebut. Umumnya tindakan ini memberi peluang kepada organisasi untuk menambah baik sistem tadbir urus dan memperkukuh sistem penyampaian yang sedia ada.

PELAKSANAAN PENARAFAN KOLEJ KOMUNITI

Langkah memperkenalkan sistem penarafan bukan bertujuan mencari kelemahan atau kesalahan, sebaliknya sebagai motivasi serta peringatan kepada kolej komuniti untuk berusaha mempertingkatkan standard kualiti pelaksanaan program pendidikan dan latihan...

Amanat Tahun Baru YB Menteri Pengajian Tinggi,
Januari 2012

Pada tahun 2009, semua institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia telah melalui proses penilaian dan penarafan kualiti pembelajaran dan pengajaran yang dikenali sebagai SETARA. Proses penarafan ini juga diteruskan di kolej-kolej swasta dengan menggunakan sistem *MyQuest* manakala Penarafan Politeknik (*PolyRate*) dilaksanakan bagi pengajian di Politeknik pada tahun 2011. Sehubungan itu, sewajarnya kualiti pembelajaran dan pengajaran di kolej komuniti turut dinilai dan diberi penarafan. Usaha ini akan menjamin peningkatan kualiti perkhidmatan, pembelajaran dan pengajaran serta kualiti graduan yang dihasilkan. Secara tidak langsung, penarafan ini akan memperbaiki persepsi awam terhadap pengajian di kolej komuniti. Daripada kaca mata dunia, inisiatif ini seiring dengan perubahan globalisasi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang semakin mencabar.

Penarafan ini juga akan memberi pengiktirafan kepada kolej komuniti yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan unggul serta menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan kolej komuniti. Kolej-kolej yang mendapat *rating* terbaik, boleh dipertimbang diberikan AUTONOMI SEPARA dengan beberapa fleksibiliti dan keistimewaan seperti boleh menentukan pelan strategik sendiri, mendapat peruntukan khas untuk pembangunan bidang khusus dan menggunakan logo tersendiri bagi membolehkan imej kolej lebih terserlah.

Amanat Tahun Baru YB Menteri Pengajian Tinggi,
Januari 2012

AUTONOMI SEPARA KEPADA KOLEJ KOMUNITI

Setelah melalui proses penarafan, kolej komuniti yang mendapat penilaian terbaik boleh dipertimbang untuk diberikan autonomi separa dalam beberapa bidang seperti tadbir urus dan kemasukan pelajar. Bagi memantapkan penyampaian latihan dalam bidang tujuhan, kolej komuniti yang mendapat autonomi separa diberi insentif untuk menubuhkan *Centre of Training (CoT@CC)*. Kolej komuniti juga boleh mempergiat program kerjasama dengan rakan strategik industri dalam bidang tujuhan melalui kaedah *Public-Private Partnership*. Selain itu, pemberian autonomi separa akan meningkatkan dan menggalakkan persaingan sihat bagi memastikan kolej komuniti sentiasa *relevant, referred* dan *respected*.

MENINGKATKAN IMEJ

Budaya kerja cemerlang dan imej organisasi yang unggul adalah teras kejayaan sesebuah organisasi. Unsur-unsur yang mencerminkan kecemerlangan organisasi seperti Amalan 5S, *Winning Hearts and Minds (WHM)*, *The Thinking Officer*, *Strategise-Energise-Synergise (SES)*, dan *Communicate, Communicate, Communicate (CCC)* perlu diterapkan dan dijadikan budaya di tempat kerja. Budaya kerja cemerlang ini mampu mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, warga yang inovatif dan berdaya saing serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan tadbir urus. Seterusnya, ianya bukan sahaja menggambarkan komitmen pengurusan, malah dapat meningkatkan kualiti organisasi ke arah membentuk sebuah *Learning Organisation* sejajar dengan misi kolej komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat.

Prinsip asas *Learning Organisation* yang ingin diterapkan adalah seperti berikut :

1. *Personal mastery* - mengupayakan warga mengembangkan potensi diri;
2. *Mental models* - menggalakkan pemikiran secara holistik;
3. *Shared vision* - menekankan perkongsian wawasan yang sama-sama ingin dibina;
4. *Team learning* - mentransformasi pembelajaran secara berkumpulan; dan
5. *Systems thinking* - mendidik individu melihat sesuatu perkara dari pelbagai sudut dan perspektif.

Natijahnya, penerapan nilai-nilai dan prinsip di atas akan melahirkan warga JPCK dan kolej komuniti cemerlang dan sentiasa memburu kecemerlangan bagi diri sendiri dan organisasi yang lahir dari kemahuan diri tanpa dipaksa atau diminta.



**Jadual 6-1: Teras 3
MENINGKATKAN KEBERKESANAN ORGANISASI**

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA
Penjajaran semula fungsi dan struktur JPKK dan Kolej Komuniti	Menyusun semula fungsi lama dan fungsi baharu dan menaik taraf semua bahagian di JPKK dan kolej komuniti.	Fungsi dan struktur baharu JPKK dan Kolej Komuniti disedia dan dipanjangkan untuk kelulusan JPA.	2013	JPKK dan BPSM
	Menaik taraf perjawatan dan gred mengikut fungsi dan tanggungjawab kolej komuniti	a. 12 KK induk - Pengarah DH54	2013	JPKK dan BPSM
		b. 37 KK induk - Pengarah DH52		
		c. 32 KK Cawangan - Pengarah DH48		
	d. Jawatan-jawatan lain ditingkatkan selari dengan gred pengarahnya			
Pelaksanaan penarafan kolej komuniti	Membangunkan instrumen pengukuran	Dokumen kriteria penarafan siap dibentuk.	2013 - 2014	JPKK
	Melaksanakan program persediaan ke arah penarafan Kolej Komuniti	Satu program bagi setiap wilayah kolej komuniti.	2013 - 2014	JPKK
	Melaksanakan penarafan Kolej Komuniti	Lima kolej komuniti berada di kelompok kecemerlangan	2014	JPKK, Panel Perunding dan KK
Pemantapan penyampaian latihan dalam bidang tujahan	Menubuhkan <i>Centre of Training (CoT@CC)</i> yang mempunyai separa autonomi di Kolej Komuniti	Dua kolej komuniti yang terpilih	2014	JPKK dan KK terpilih
		Lima kolej komuniti yang terpilih	2015	JPKK dan BPSM
	Menjalankan program kerjasama dengan rakan strategik industri dalam bidang tujahan melalui kaedah <i>Public-Private Partnership</i>	Sekurang-kurangnya dua kolej komuniti mempunyai program kerjasama dengan rakan industri melalui kaedah <i>Public-Private Partnership</i>	2015	JPKK dan KK terpilih

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA
Peningkatan imej	Mewujudkan budaya kerja yang cemerlang	Menyertai 5 pertandingan inovasi/Inoreka/MySkills secara kumpulan/individu setiap tahun	2013-2015	JPKK dan KK
		Mencapai prestasi kewangan 95%	2014	JPKK dan KK
		Mencapai prestasi kewangan 100%	2015	JPKK dan KK
		Memberi maklumbalas rasmi kepada pihak luar (aduan, ulasan, permohonan) dalam tempoh 3 hari bekerja	2013	JPKK dan KK
		Memberi maklumbalas rasmi kepada pihak dalaman (aduan, ulasan, permohonan) dalam tempoh 3 hari bekerja	2013	JPKK dan KK
		Menyertai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan	2013-2015	KK





BAB 7: TERAS 4

MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN DAYA SAING KOMUNITI



JALUR GEMILANG TERPANJANG DARIPADA TEMPE

(This attempt is endorsed by The Malaysia Book of Records)



13 September 2012
Kolej Komuniti Kuala Langat



BAB 7 : TERAS 4

MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN DAYA SAING KOMUNITI

Program Keusahawanan di IPT dilaksanakan bagi memberi pelajar-pelajar pendedahan ilmu dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya tahan, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira (*calculated risk*) dan kebolehan untuk mengenal pasti peluang dan penciptaan (*opportunity identification and creation*). Seperti yang terkandung dalam Model Baru Ekonomi, pembinaan dan pengukuhan keusahawanan menjadi matlamat dasar yang penting. Ia juga pemangkin Program Transformasi Ekonomi yang menggalakkan cetusan peluang peningkatan mobiliti ekonomi, dan seterusnya mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing. Ini adalah kerana teras kepada mana-mana ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif terletak pada modal insan yang berdaya saing, kreatif dan inovatif baik di peringkat nasional mahupun global.

Kualiti hidup sesebuah komuniti diukur melalui tahap penjagaan kesihatan, kebebasan, hak-hak asasi dan kebahagiaan hidup. Justeru, kolej komuniti berperanan mengupayakan masyarakat dengan program-program keusahawanan, kursus-kursus pendek dan program *upskilling* dan *reskilling* bagi memastikan elemen-elemen jangka hayat manusia, pendidikan dan taraf kehidupan dapat dipertingkatkan.

Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi yang telah dilancarkan pada 13 April 2010 oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan agar lebih terancang dan holistik. Pelaksanaan program keusahawanan di kolej komuniti bertujuan melahirkan graduan/lulusan kolej yang mempunyai nilai, pemikiran dan atribut keusahawanan selain mempunyai pengetahuan akademik dan kemahiran yang bersesuaian serta meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan graduan/lulusan kolej komuniti dan komuniti setempat.

Teras ini menggariskan dua strategi iaitu:

- Pemerksaan Program Keusahawanan; dan
- Penambahbaikan kualiti hidup penduduk setempat.

PEMERKASAAN PROGRAM KEUSAHAWANAN

Salah satu usaha pemerksaan program keusahawanan adalah pewujudan Pusat Usahawan Kolej Komuniti (PUSKOM) di JPKK dan *e-Tech Centre* di kolej komuniti. PUSKOM bertindak sebagai perancang, pengurus, penyelaras dan pemantau program dan aktiviti yang berteraskan keusahawanan dan juga sebagai pusat rujukan dalam hal ehwal pembangunan keusahawanan. Manakala pewujudan *e-Tech Centre* di kolej komuniti berfungsi sebagai pihak yang menyelaras pelaksanaan program dan aktiviti keusahawanan serta menjadi pusat khidmat nasihat kepada bakal usahawan setempat.

Di samping itu, Persatuan Alumni Keusahawanan Kolej Komuniti ditubuhkan bertujuan memantap dan memperkukuh jalinan rangkaian kerjasama bekas peserta Program Keusahawanan Kolej Komuniti. Dalam masa yang sama, ilmu dan kemahiran tenaga pengajar di kolej komuniti digilap bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan keusahawanan.

Program *mentoring* dalam kalangan usahawan yang telah berjaya boleh mencetus minat dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar. Para usahawan ini akan membantu tenaga pengajar menambahbaik penyampaian beberapa modul khusus seperti Program Pendedahan, Pembudayaan Keusahawanan, Peningkatan Kemahiran dan Pengukuhan Keusahawanan.

Bagi memantau pelaksanaan dan mengukur keberkesanan, satu pangkalan data usahawan Kolej Komuniti perlu diwujudkan bagi mengumpul maklumat semua peserta kursus keusahawanan dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

KEJAYAAN PELAJAR MELALUI AKTIVITI KEUSAHAWANAN DI KOLEJ KOMUNITI

Seorang alumni Kolej Komuniti yang berjaya ialah Norshakila binti Ramli. Anak jati Arau ini mengikuti kursus Asas Keusahawanan di Kolej Komuniti Arau, Perlis pada tahun 2005. Kesan daripada kursus keusahawanan ini telah mencetuskan minat mendalam dalam bidang keusahawanan. Dengan semangat dan pengetahuan yang diperolehi itu, beliau telah berkecimpung dalam perniagaan futsal, homestay dan peruncitan. Kini beliau boleh berbangga dengan pendapatan melebihi RM 30,000 sebulan di samping mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.





Berasal dari Kok Lanas, Pn. Emi Nahariah Binti Ab. Manaf telah mengikuti Kursus Pengiklanan Dan Keusahawanan di Kolej Komuniti Kok Lanas sebelum berkecimpung dalam bidang percetakan dan pembekalan di Batu Caves, Selangor. Beliau telah mengasaskan syarikatnya Emizan Trading & Marketing di Kuala Terengganu dan kini mempunyai sebuah kilang percetakan sendiri di Kuala Lumpur.

MENAMBAHBAIK KUALITI HIDUP PENDUDUK SETEMPAT

Kolej komuniti berperanan mengupayakan penduduk setempat sekaligus menambahbaik kualiti hidup mereka. Bagi mengukuhkan pelaksanaan inisiatif ini, JPKK akan meningkatkan kolaborasi dengan organisasi, pertubuhan dan komuniti melalui usaha-usaha berikut:

- i. Pemberian Latihan TVET;
- ii. Pelaksanaan Pendedahan Ilmu Keusahawanan;
- iii. Pengukuhan Kemahiran Insaniah;
- iv. Pemantapan Inisiatif Keusahawanan Sosial; dan
- v. Pelaksanaan *Knowledge Transfer Programme*

Kolej Komuniti akan melaksanakan usaha-usaha di atas melalui program kemasyarakatan - *Corporate Social Responsibility*, program *outreach* dan mempromosi melalui pendekatan media baru. Di samping itu melalui pelaksanaan *Knowledge Transfer Programme*, kolej komuniti juga berperanan untuk menyalurkan kepakaran dan teknologi terkini yang dibangunkan di universiti untuk dimanfaatkan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.

I-KEUNITA DI KOLEJ KOMUNITI GERIK

Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KEUNITA) telah diadakan di Kolej Komuniti Gerik dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perak. Ia bertujuan bagi melatih golongan wanita berpendapatan rendah dari segi kemahiran teknikal dan seterusnya melatih mereka menceburi bidang keusahawanan. Program yang berjalan selama sebulan ini melibatkan 15 orang peserta yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah. Melalui program ini, peserta menjalani beberapa kursus iaitu asas jahitan langsir, kursus jahitan langsir, jahitan baju melayu, jahitan baju kebaya dan disusuli dengan kursus keusahawanan. Melalui kursus kemahiran dan keusahawanan ini, para peserta dapat mendalami bidang kemahiran yang mereka minati seterusnya mengembangkannya dalam bidang keusahawanan. Secara keseluruhan usaha-usaha ini telah membantu meningkatkan pendapatan dan sosio ekonomi mereka.



Jadual 7-1: Teras 4
MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN DAYA SAING KOMUNITI

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA	
Pemeriksaan Program Keusahawanan	Mewujudkan penyelarasan di peringkat ibu pejabat.	Pusat Keusahawanan Komuniti (PUSKOM) di JPKK diwujudkan.	2013	JPKK	
	Mewujudkan saluran penyampaian ilmu dan kemahiran di Kolej Komuniti.	<i>e-Tech Centre</i> diwujudkan di semua Kolej Komuniti.	2013	JPKK dan KK	
	Menyediakan jaringan kerjasama.	Alumni Keusahawanan ditubuhkan.	2013-2014	Unit Keusahawanan JPKK dan KK	
	Melatih pensyarah khusus dalam bidang keusahawanan.		80% tenaga pengajar yang dikenal pasti berjaya dilatih.	2013	Unit Keusahawanan JPKK dan KK
			100% tenaga pengajar yang dikenal pasti berjaya dilatih.	2014	Unit Keusahawanan JPKK dan KK
	Melaksanakan Program Mentor dari kalangan usahawan berjaya.		Seorang mentor bagi setiap Kolej Komuniti.	2013-2015	Unit Keusahawanan, KK
			Penglibatan seorang usahawan berjaya dalam setiap program keusahawanan.	2013-2015	Unit Keusahawanan, KK
Membangunkan satu pangkalan data usahawan kolej komuniti.	Satu pangkalan data usahawan kolej komuniti diwujudkan	2013-2015	Unit Keusahawanan, JPKK dan KK		
Penambahbaikan kualiti hidup komuniti setempat	Melaksanakan kolaborasi dalam bentuk <i>mentoring</i> organisasi di komuniti setempat.	2 organisasi setiap tahun di semua kolej komuniti.	2013-2015	JPKK dan KK	
	Melaksanakan kajian impak pelaksanaan program kolaborasi terhadap komuniti setempat.	Satu kajian impak setiap dua tahun.	2014	JPKK dan KK	
	Melaksanakan <i>Knowledge Transfer Programme</i> .	Satu <i>Knowledge Transfer Programme</i> setiap kolej komuniti.	2013-2015	KK	
	Menyampaikan maklumat mengenai peluang meningkatkan ilmu dan latihan di Kolej Komuniti melalui pelbagai kaedah promosi yang terkini dan media baharu.	Menambahbaik kaedah penyebaran maklumat kepada pelanggan melalui: a. Media Blitz b. Media Sosial c. Media Elektronik d. Program bersama masyarakat umum e. Program CSR f. Program <i>outreach</i>	2013 berterusan	Unit ICT, JPKK Unit Promosi, JPKK dan KK	





Upacara Menandatangani Memorandum Persefahaman Inisiatif *Blueprint* Pelancongan Langkawi, 8 Disember 2011



BAB 8: TERAS 5

MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN RAKAN INDUSTRI DAN AGENSI





BAB 8 : TERAS 5

MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN RAKAN INDUSTRI DAN AGENSI

JPKK merangka pelbagai pelan dan tindakan bagi memperkasa kolej komuniti, antaranya melalui beberapa kerjasama strategik dengan rakan-rakan industri. Rakan-rakan industri dilihat sebagai penyumbang penting kepada keberkesanan serta kemajuan kolej komuniti dan mereka juga merupakan enjin penggerak utama kepada pembangunan ekonomi negara.

Bagi memperkukuh kerjasama strategik dengan rakan industri dan agensi, tiga strategi telah dikenal pasti iaitu :-

- Mewujudkan perkongsian pintar dengan pihak industri;
- Menyediakan lulusan kolej komuniti sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih (*k-workers*) untuk 5 koridor Pembangunan Ekonomi; dan
- Melaksanakan kerjasama *Public-Private Partnership* dengan syarikat terpilih.

MEWUJUDKAN PERKONGSIAN PINTAR DENGAN PIHAK INDUSTRI

Pihak industri merupakan penyumbang penting dalam memberi pendedahan situasi sebenar alam pekerjaan kepada pelajar kolej komuniti. Perkongsian pintar antara JPKK, kolej komuniti dan industri perlu terus dipertingkatkan bagi memastikan program pengajian yang ditawarkan di kolej komuniti memenuhi keperluan pasaran semasa. Melalui perkongsian pintar, kerjasama strategik dan kolaborasi dengan pihak industri, kualiti penyampaian pengajaran, kompetensi pensyarah dan pelajar, dan kebolehdapatan kerja pelajar akan dipertingkatkan.

Perkongsian pintar merupakan satu usaha untuk menyediakan latihan pendidikan rasmi yang memberi tumpuan kepada program latihan profesional dan separa mahir bersesuaian dengan keperluan industri semasa. Melalui kerjasama ini pelajar kolej komuniti berpeluang menerima tunjuk ajar daripada tenaga

pengajar dari industri dan agensi terbabit serta berinteraksi dengan kakitangan pentadbiran menggunakan prasarana daripada industri dan agensi yang terlibat. Kerjasama kedua-dua pihak mendatangkan kebaikan dalam memajukan bidang kemahiran selain bertindak sebagai sumber kepakaran dan rujukan pensyarah dan pelajar di kolej komuniti.

KEJAYAAN PERKONGSIAN PINTAR DENGAN PIHAK INDUSTRI

Kolej komuniti telah mewujudkan kolaborasi dengan Universiti Malaysia Pahang dan Toyota di mana 400 orang peserta ditawarkan pekerjaan secara sandaran bagi tempoh 3 bulan dengan gaji permulaan sebanyak RM1200-RM1500. Mereka didedahkan kepada program latihan yang melibatkan:

- *Hybrid vehicle body electrical system*
- *Hybrid engine mechanical & fuel system*
- *Hybrid engine management & high voltage battery*
- *Hybrid vehicle automatic transmission mechanical and electrical system*
- *Hybrid vehicle brake system and suspension*
- *Hybrid vehicle air condition system*



MENYEDIAKAN GRADUAN KOLEJ KOMUNITI SEBAGAI TENAGA KERJA BERPENGETAHUAN DAN TERLATIH (*K-WORKERS*) UNTUK LIMA KORIDOR PEMBANGUNAN EKONOMI

Kolej komuniti telah diberi mandat untuk menyediakan tenaga kerja berpendidikan dan terlatih dalam kalangan graduan/lulusan kolej komuniti untuk ditempatkan sebagai tenaga kerja di lima Koridor Pembangunan Ekonomi dalam 12 bidang ekonomi utama negara. Kerjasama ini bermatlamat untuk mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah di negara ini selain membasmi kemiskinan di kalangan komuniti setempat.

Program kolaborasi kolej komuniti bersama industri petrokimia, minyak dan gas merupakan salah satu inisiatif yang sedang dilaksanakan secara strategik oleh kolej komuniti dalam menyediakan modal insan terlatih tinggi untuk ditempatkan sebagai tenaga kerja di lima koridor pembangunan ekonomi. Tujuannya ialah untuk meligatkan pembangunan industri di kawasan berkaitan seiring matlamat Program Transformasi Kerajaan (GTP). Inisiatif ini telah dilaksanakan oleh kolej komuniti bersama *East Coast Economic Region Development Council* di Wilayah Timur.

KERJASAMA PINTAR KOLEJ KOMUNITI – *EAST COAST ECONOMIC REGION (ECER)*

220 pelajar kolej komuniti di sekitar Zon Timur dalam bidang senibina, teknologi binaan, dan elektrik berjaya menamatkan latihan yang menepati keperluan dan spesifikasi yang ditetapkan oleh industri petrokimia, minyak dan gas. Mereka telah ditempatkan sebagai tenaga kerja terlatih tinggi dan dibayar upah yang tinggi iaitu sekitar RM1200 – RM1500 sebagai permulaan.

Antara industri dan agensi yang terlibat adalah Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Terengganu; 9 syarikat Petrokimia Minyak dan Gas (Petronas Gas, Kencana Engineering, Optima Chemicals, PFCE Hyundai, Kaefer, BB Tech dan Mazlan Engineering). Bidang latihan terdiri daripada *offshore catering, painting blasting, instrumentation* dan *insulation*.

MELAKSANAKAN KERJASAMA *PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP*

Pembangunan sektor industri sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Secara keseluruhan kewujudan kerjasama antara pihak kolej komuniti dengan industri memajukan bidang kemahiran pensyarah dan pelajar. Sebagai contoh pensyarah kolej komuniti boleh menyumbang kepakaran kepada pihak industri terutama dalam pemberian latihan terkini kepada staf dan pekerja dari industri. Langkah ini bakal membawa faedah sinergi dan situasi menang-menang kepada semua pihak yang terlibat.

Kolej komuniti juga telah dimartabatkan sebagai hab *upskilling* dan *reskilling* bagi membolehkan tenaga kerja industri memperoleh peningkatan ilmu seiring perubahan teknologi terkini di dalam bidang-bidang yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan jentera pembangunan industri. Kursus-kursus yang ditawarkan mencakupi pelbagai bidang yang mendapat sokongan kukuh daripada industri.

Pekerja industri berpeluang mendapat manfaat dari sistem pembelajaran di kolej komuniti yang fleksibel dan mudah akses bagi menjalani latihan semula (*reskilling*) dan menjalani latihan kemahiran untuk peningkatan tahap (*upskilling*). Justeru kolej komuniti menyediakan mod pembelajaran yang sesuai dengan keperluan syarikat terlibat seperti menggunakan kaedah *block-release* atau *day-release* bagi memudahkan pekerja syarikat mengikuti latihan yang berkaitan.



Jadual 8-1: Teras 5
MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN RAKAN INDUSTRI DAN AGENSI

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA
Mewujudkan perkongsian pintar dengan pihak industri	Mengadakan kolaborasi strategik bersama industri	Tiga Pusat Kecemerlangan (<i>Centre of Excellence</i>) ditubuhkan	2013-2015	JPKK dan KK
	Mengadakan Majlis Dialog secara berkala bersama industri	Tiga Majlis Dialog Perdana bersama Industri	2013-2015	JPKK dan KK
	Menawarkan program <i>upskilling</i> dan <i>reskilling</i>	100 peserta menyertai program setiap tahun	2013-2015	JPKK dan KK
	Mendapat sumbangan kepakaran dari industri	5 syarikat setahun	2013-2015	JPKK dan KK
Menyediakan graduan/ lulusan kolej komuniti sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih (<i>k-workers</i>) untuk 5 Koridor Pembangunan Ekonomi	Meningkatkan bilangan graduan/lulusan yang mengikuti program latihan persediaan ke arah pekerjaan bersama dengan industri	2000 graduan/lulusan	2013-2015	JPKK dan KK
Melaksanakan kerjasama <i>Public-Private Partnership</i>	Mengadakan kolaborasi dengan institusi pendidikan ternama mengikut bidang kekuatan	3 institusi (IPTA/S)	2013-2015	JPKK dan KK
		800 pelajar	2013-2015	JPKK dan KK





BAB 9: TERAS 6
MENINGKATKAN KAPASITI DAN BAKAT





BAB 9 : TERAS 6

MENINGKATKAN KAPASITI DAN BAKAT

Aset utama setiap organisasi terletak pada mutu modal insannya yang mampu menyerlahkan bakat dan potensi diri ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Sehingga Oktober 2012, JPCK dan kolej komuniti mempunyai seramai 2,285 orang pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional, 1,291 orang pegawai kumpulan Sokongan 1 dan 261 orang pegawai kumpulan Sokongan 2. Potensi warga kerja perlu dibangunkan secara optimum melalui strategi berikut:

- Pengenalpastian bakat setiap tenaga pengajar kolej komuniti;
- Penyediaan latihan pelbagai kompetensi;
- Penyediaan program peningkatan profesionalisme; dan
- Pentauliahan *Subject Matter Experts (SME)*.

PENGENALPASTIAN BAKAT SETIAP TENAGA PENGAJAR KOLEJ KOMUNITI

Satu instrumen pengukuran untuk mengenal pasti kecenderungan, minat dan kebolehan setiap tenaga pengajar kolej komuniti perlu disediakan bagi membangunkan potensi tenaga pengajar secara sistematik dan teratur. Seterusnya, proses pengukuran dilaksanakan bagi mewujudkan pangkalan data tenaga pengajar. Apabila profil tenaga pengajar telah lengkap, maka proses pembangunan kompetensi daripada tahap asas kepada tahap kepakaran boleh dikenal pasti dan dilaksanakan.

PENYEDIAAN LATIHAN PELBAGAI KOMPETENSI

Kurikulum latihan yang bersesuaian untuk empat kategori kompetensi yang mengasah bakat tenaga pengajar perlu dibangunkan. Selain kompetensi asas iaitu set latihan yang harus dilalui oleh setiap tenaga pengajar baharu, set kompetensi kepimpinan menyediakan tenaga pengajar yang berpotensi sebagai pemimpin institusi,

manakala bagi tenaga pengajar yang terserlah bakatnya sebagai pendidik, set kompetensi tenaga pengajar akan diterapkan kepada mereka. Program peningkatan kapasiti JPKK dan kolej komuniti juga merangkumi komponen pembangunan diri yang menjadi syarat wajib dalam urusan kenaikan pangkat skim Pegawai Perkhidmatan Pengajian Tinggi (PPPT). Di samping itu, laluan khas bagi mereka yang berpotensi tinggi untuk menjadi *Subject Matter Experts* juga disediakan.

PENYEDIAAN PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISME

Tenaga pengajar yang menunjukkan kesungguhan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam kerjaya mereka, wajar diberi sokongan dengan menguruskan permohonan bayaran insentif badan profesional mereka. Dorongan ini juga mencakupi permohonan pengiktirafan kepada badan-badan profesional yang lain serta persijilan dari pihak industri seperti *TW Technology* dan Suruhanjaya Tenaga. Seiring dengan perkembangan pesat dunia industri, tenaga pengajar harus digalakkan untuk memperluas ilmu dan kemahiran. Justeru, peluang untuk tenaga pengajar mengikuti program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) di syarikat-syarikat yang relevan dengan bidang pengajian di kolej komuniti terus disediakan.

SUBJECT MATTER EXPERTS (SME)

Tenaga pengajar yang menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam bidang masing-masing perlu dimartabatkan bagi menghindari dari berlakunya sindrom *Brain Drain*. Mereka akan diketengahkan sebagai pakar rujuk dan menjadi ikon kepada pelajar-pelajar kolej komuniti. Setelah terpilih, mereka diberi peranan yang signifikan dalam menyebarkan ilmu dan kemahiran di peringkat negeri dan negara. Sehubungan tindakan ini, satu set kriteria penilaian serta panel penilai SME perlu ditubuhkan bagi mengendalikan proses penetapan kriteria pentauliahan ini.



**Jadual 9-1: Teras 6
MENINGKATKAN KAPASITI DAN BAKAT**

STRATEGI	TINDAKAN	SASARAN	TAHUN	PELAKSANA
Pengenalpastian bakat setiap tenaga pengajar kolej komuniti	Menyediakan instrumen pengukuran untuk mengenal pasti kecenderungan, minat dan kebolehan.	Instrumen siap dibina	2013	JPKK
	Menjalankan proses mengenal pasti kecenderungan, minat dan kebolehan dengan menggunakan instrumen pengukuran	100% jumlah tenaga pengajar baru siap diprofilkan	Dalam tempoh 3 bulan pertama perkhidmatan lantikan baru	JPKK dan KK
	Mewujudkan pangkalan data dan profil setiap tenaga pengajar	Pengisian pangkalan data setiap tenaga pengajar	2014	JPKK dan KK
Penyediaan latihan pelbagai kompetensi	Membangunkan kurikulum yang bersesuaian untuk meningkatkan kualiti dan kompetensi asas, kompetensi kepimpinan, kompetensi tenaga pengajar dan <i>Subject Matter Experts</i> (SME) Kolej Komuniti	Sebuah pelan pembangunan latihan lengkap dengan pangkalan data.	2013	JPKK dan KK
	Melaksanakan program pembangunan diri PPPT	85% daripada peserta Kursus CPCM berjaya dilatih 90% daripada peserta Kursus PPK berjaya dilatih	2013	JPKK
	Melatih tenaga pakar dalam bidang-bidang yang dikenal pasti bagi mengendalikan kursus asas.	5 orang pakar bagi setiap bidang yang dikenal pasti	2014	JPKK dan KK
Penyediaan program peningkatan profesionalisme	Menguruskan permohonan bayaran insentif badan profesional	Kertas permohonan pewujudan bayaran insentif badan profesional dikemukakan ke agensi pusat	2013	JPKK
	Melatih tenaga pengajar baru melalui Program KIPA	95% tenaga pengajar baru berjaya dilatih	2013-2015	
	Mempergiatkan Tenaga Pengajar mengikuti program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)	1 % daripada jumlah tenaga pengajar KK berjaya mengikuti program SIP	2013-2015	
Pentauliahan <i>Subject Matter Experts</i> (SME)	Menubuhkan Panel Penilai SME dan menetapkan kriteria pentauliahan	Panel akan ditubuhkan pada 2013	2013	JPKK dan J/K SME
	Menyebarkan luaskan maklumat tentang kriteria pentauliahan SME	Garis panduan akan disediakan	2013	
	Mentauliah SME yang berkeelayakan	Melaksanakan penilaian peserta	2014 berterusan	





BAB 10
FAKTOR KEJAYAAN UTAMA





BAB 10 : FAKTOR KEJAYAAN UTAMA

Selaras dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat, sistem TVET merupakan salah satu aliran yang diiktiraf sebagai satu sistem yang berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai kemahiran teknikal dan kompetensi yang tinggi seperti yang diperlukan oleh industri dan negara pada masa ini dan pada masa hadapan.

Hakikatnya, perubahan masa dan perkembangan teknologi yang pesat pada era globalisasi ini menuntut peningkatan kepada kualiti penyampaian dan perkhidmatan TVET oleh kolej komuniti kepada masyarakat dan pemegang taruh yang lain terutamanya golongan belia. Bagi mencapai matlamat ini, pelbagai usaha, pengubahsuaian, strategi, tindakan dan sasaran telah dirancang dalam buku pemerksaan ini demi memartabatkan kolej komuniti sebagai pilihan utama untuk latihan kemahiran dan hab pembelajaran sepanjang hayat.

Namun demikian, untuk memastikan kejayaan dan keberhasilan strategi yang digariskan, beberapa faktor kejayaan utama yang merupakan syarat atau premis penting perlu ada bagi memastikan kolej komuniti berjaya mencapai matlamat pemerksaan. Kejayaan teras-teras yang telah dikenal pasti ini bergantung kepada senarai faktor berikut:

- Sokongan pengurusan Kementerian Pengajian Tinggi;
- Nilai sepunya atau nilai kongsi di kalangan warga JPKK dan kolej komuniti;
- Komitmen ketahanan dan iltizam warga JPKK dan kolej komuniti;
- Penjajaran fungsi dan struktur kolej komuniti; dan
- Pengurusan dan kepimpinan yang transformasional.

Keseluruhan faktor yang melibatkan organisasi, tenaga pengajar, staf sokongan, kepimpinan, para profesional, tadbir urus dan peruntukan perlu digembleng secara optimum dengan bijaksana agar impak yang positif dapat dihasilkan ke arah memartabatkan kolej komuniti.

AKADEMI PELANCONGAN LANGKAWI (*LANGKAWI TOURISM ACADEMY*)

Dalam tempoh pemeraksanaan ini suatu projek contoh yang melibatkan kerjasama sektor awam dan swasta telah diperkenalkan. Ia merupakan usaha sama antara sektor kerajaan (KPT, EPU dan PEMANDU) dengan institusi pendidikan swasta (Taylor's University). Pada dasarnya projek ini bertujuan memindahkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan teknologi baru kepada kolej komuniti di Langkawi melalui institusi pengajian tinggi swasta yang mempunyai bidang tujahan dalam bidang hospitaliti, kulineri dan pelancongan. Berasaskan premis usahasama di antara kedua-dua pihak ini, matlamat utama projek bertujuan menyokong inisiatif kerajaan mewujudkan serta menjenamakan Kolej Komuniti Langkawi (KKL) sebagai Akademi Pelancongan yang bertaraf antarabangsa.

Objektif kerjasama:

Melaksanakan program bersama bagi jangka masa lima tahun untuk mencapai objektif berikut :-

- ❖ Membangun sijil latihan teknikal bersama (*joint certification*) sejajar dengan peringkat SMK dan SKM;
- ❖ Memperkasa serta menambahbaik kemudahan sedia ada di KKL;
- ❖ Membangun bakat komuniti tempatan dengan kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf untuk memenuhi keperluan koridor ekonomi utama khususnya untuk industri perhotelan di Langkawi;
- ❖ Mewujudkan jaringan kerjasama dengan rakan kongsi dalam bidang hospitaliti, kulineri dan pelancongan; dan
- ❖ Membina upaya tahap kemahiran tenaga pengajar di KKL melalui program latihan.

Antara sasaran yang perlu dicapai adalah seperti di bawah:

- ❖ 2 pengambilan setahun bermula 2013; dan
- ❖ Jumlah pengambilan tahunan ialah 200 orang. Graduan daripada program ini akan diserapkan ke dalam industri perhotelan berdekatan.

Pewujudan Akademi Pelancongan haruslah berbentuk jangka panjang dengan memperkasa bidang-bidang lain dan menawarkan program lanjutan profesional di tempat-tempat ternama dunia.





BAB 11
MELANGKAUI 2015





BAB 11 : MELANGKAUI 2015

Menjelang tahun 2015, kolej komuniti seharusnya telah mencapai keberhasilan yang diharapkan iaitu mewujudkan graduan kolej komuniti yang berkualiti dan menepati keperluan industri. Dengan peningkatan tahap kebolehpasaran graduan, mereka mudah memperoleh pekerjaan dan boleh berdikari serta memperbaiki taraf kehidupan dengan pencapaian pendapatan yang tinggi. Sebagai institusi pendidikan peringkat tertiar, menjelang akhir 2015, kolej komuniti seharusnya telah mencapai matlamat untuk menjadi institusi yang mencerminkan nilai-nilai seperti berikut:

- Relevan (*Relevant*) dalam ekonomi yang berteraskan globalisasi kerana berupaya untuk menterjemahkan pelbagai tuntutan global ke peringkat global atau tempatan;
- Dirujuk (*Referred*) oleh pelbagai institusi yang menjalankan TVET di negara ini, rantau Asia Tenggara dan Asia serta peringkat antarabangsa sebagai institusi yang mempunyai kepakaran dan profesionalisme yang tinggi dan boleh dicontohi serta dijadikan ikon dalam bidang-bidang tujahan yang dikenal pasti; dan
- Dihormati (*Respected*) kerana statusnya yang unggul dan banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan serantau dengan pendekatan yang tepat dan keberkesanan serta impak yang tinggi.

Kerajaan akan terus memainkan peranan utama dalam menyediakan laluan TVET kerana berkeyakinan bahawa ia berpotensi untuk menghasilkan para graduan yang bersedia diserap oleh pihak industri. Melalui TVET kemampuan sistem pengajian tinggi untuk menyediakan peluang pembelajaran dan memperbaiki peluang kehidupan bagi semua lapisan masyarakat akan terus meningkat.

Dengan keadaan masa hadapan yang tidak menentu, pekerjaan-pekerjaan baharu mungkin berkurangan di sektor ekonomi formal. Besar kemungkinan kita akan berdepan dengan situasi di mana kebanyakan peluang pekerjaan baharu berada di sektor pekerjaan secara persendirian dan pekerjaan dalam ekonomi tidak formal. Ini bermakna bahawa terdapat keperluan kritikal untuk meneruskan peningkatan akses kepada peluang pekerjaan bagi semua warga Malaysia yang berkemampuan bekerja melalui pembelajaran

sepanjang hayat yang menekankan TVET. Pendekatan kepada pembelajaran yang berpaksikan akademik semata-mata tidak lagi mencukupi untuk memenuhi kehendak pasaran industri di masa depan. Malah suatu kajian OECD pada tahun 1999 telah menyatakan;

“Too often the education and training that they are participating in fails to motivate or interest them, and its connections to working life are too tenuous...too many do not receive either real learning opportunities in work settings while they are students or effective information and guidance to help them to chart their futures.”

Perenggan di atas jelas memaparkan pendekatan pembelajaran disediakan oleh kolej komuniti yang menekankan TVET merupakan alternatif yang terbaik kerana menghasilkan graduan berpengetahuan dan terlatih sepertimana dituntut oleh pihak industri. Laluan kerja seperti ini membantu masyarakat untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan dan pengangguran.

Sehubungan dengan ini, pendidikan dan latihan yang disediakan oleh kolej komuniti akan kekal relevan dalam sistem pengajian tinggi negara. Dapatan kajian Kenneth King dan Robert Palmer mendebatkan isu ini dan menegaskan:

“...TVET links skill development policies to employment needs and labour market requirement, especially because the majority of new work opportunities are increasingly found in productive self-employment and work in the informal economy rather than in formal employment.”

UNICEF-WBI Course on Strategic Choices for Education Reform, July 14-25 2008

Hubungkait TVET dengan pekerjaan sesungguhnya akan memperkukuhkan motivasi pelajar daripada pelbagai latar belakang untuk meneruskan pembelajaran di kolej komuniti sepertimana yang telah berlaku di negara-negara maju seperti Kanada dan Amerika Syarikat. Pelbagai pendekatan latihan yang bertujuan untuk menerapkan para pelajar dengan kemahiran dan ketrampilan untuk bekerja akan terus memberi insentif dan berimpak besar kepada kehidupan para graduan kolej komuniti di masa depan. Dengan ini jurang permintaan daripada pihak industri dan penawaran daripada kolej komuniti akan dikurangkan. Dalam erti kata lain kolej komuniti akan memenuhi tuntutan industri secara cekap dan berkesan.


ASPIRASI KOLEJ KOMUNITI MELANGKAUI 2015

Setelah mencapai tahap pemerksaan pada 2015, kolej komuniti di negara ini akan melestarikan perkembangannya ke arah pencapaian visinya dan menjadi peneraju pembelajaran sepanjang hayat melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional untuk membina komuniti yang berpengetahuan dan terlatih. Akses kepada TVET akan diperluaskan supaya dapat melonjakkan taraf sosio-ekonomi dan kesejahteraan masyarakat melalui kelestarian pembelajaran sepanjang hayat. Selaras dengan ini kolej komuniti mendukung aspirasi yang murni berbentuk ciri-ciri yang menonjolkan nilai-nilai tambah seperti berikut:


- Responsif (*Responsive*), iaitu kemampuan kolej komuniti untuk memenuhi pelbagai keperluan berhubung dengan peningkatan ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh dalam masa yang singkat;
- Daya tahan (*Resilient*) iaitu kolej komuniti mempunyai daya tahan bagi mengukuhkan kemampuan mewujudkan sistem keupayaan menyeluruh (*total system capability*) untuk mencapai kecemerlangan, kemandirian (*enterprising*) dan inovasi penuntut; dan
- Diiktiraf (*Recognized*) sebagai institusi yang menyediakan pembelajaran sepanjang hayat melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang berkualiti dan disegani di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Menjelang 2020 kolej komuniti akan menunjukkan nilai-nilai 6 R sepertimana dalam Rajah 11-1

Rajah 11-1
NILAI-NILAI KOLEJ KOMUNITI MENJELANG 2020



Rajah 11-2
KE ARAH MENCAPAI KEUNGGULAN KOLEJ KOMUNITI MENJELANG 2020



Proses memartabatkan kolej komuniti sebagai institusi pilihan utama dijangka terus beroperasi mulai 2013 sehingga 2020. Rajah 11-2 di atas menggambarkan 3 fasa utama yang dilalui oleh kolej komuniti untuk mencapai ke peringkat tertinggi iaitu pemerkasaan, kecemerlangan dan keunggulan. Setelah mencapai pemerkasaan kolej komuniti pada 2015, penekanan akan diberi kepada pelbagai faktor untuk menyemarakkan kolej komuniti bagi menjana kecemerlangan institusi. Agenda pemerkasaan yang telah disemai dan dipupuk pada 2013 akan merangsang kecemerlangan kolej komuniti pada 2017 dan menyumbang kepada pembangunan ke arah tahap kehebatan dan keunggulan kolej komuniti pada 2020.

CADANGAN BIDANG YANG AKAN DITAWARKAN DI KOLEJ KOMUNITI MELANGKAUI 2015

Dengan mengambilkira pelbagai perubahan yang dijangka akan berlaku di peringkat global akibat kepantasan perubahan teknologi, perubahan demografi dan latar belakang sosio-ekonomi penduduk di negara ini, keperluan untuk menawarkan program yang menepati kehendak komuniti dan masyarakat setempat di masa hadapan akan wujud. Antara bidang-bidang yang dimaksudkan merangkumi:

- Teknologi Tinggi
- Teknologi Hijau
- Kesihatan dan Sains
- Pendidikan Kewarganegaraan
- Hab Halal
- Gerontologi

Rajah 11-3

BIDANG-BIDANG PENGAJIAN YANG AKAN DITAWARKAN DI KOLEJ KOMUNITI MENJELANG 2020



Sistem pengajian di kolej komuniti tidak harus dihadkan kepada program-program peringkat sijil sahaja. Ketika mana institusi lain melakukan perluasan program, kolej komuniti juga tidak boleh berpuas hati dengan penawaran program-program sedia ada. Selain daripada memantapkan program peringkat diploma yang diperkenalkan pada tahun 2013, kolej komuniti juga akan menjadi *feeder institute* kepada program-program peringkat diploma dan ijazah di beberapa universiti tempatan. Bentuk pengajian seperti *Associate Degree* yang begitu *popular* di kolej komuniti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan Thailand juga wajar diperkenalkan. Dengan ini kolej komuniti akan sentiasa mendepani perubahan dan kekal relevan bersama keperluan dan permintaan komuniti setempat di samping meletakkan asas yang kukuh sebagai institusi pendidikan bertaraf antarabangsa.

PENCAPAIAN KOLEJ KOMUNITI MENJELANG 2020

Ramai yang meramalkan bahawa masa hadapan menjanjikan pelbagai harapan dan potensi bagi semua untuk bersama-sama menempa kejayaan sekiranya bersedia untuk merebut peluang yang mendatang. Senario ini meletakkan kolej komuniti di kedudukan yang sangat baik untuk merebut peluang mengecapi kehebatan selepas 2015 sehingga mencapai kecemerlangan pada 2017 dan keunggulan pada 2020.

Perkembangan sebagai institusi yang melaksanakan TVET akan diteruskan melepasi 2015 ke arah mempertingkatkan kualiti tenaga kerja yang dihasilkan oleh agenda Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015. Selaras dengan keperluan ekonomi negara, pelajar yang melalui sistem pengajian kolej komuniti pada tahun 2016 dan seterusnya, akan diterapkan dengan keperluan pengetahuan dan latihan masa hadapan bagi tujuan penghasilan graduan yang berupaya untuk bekerja sendiri dan berdikari sekiranya ekonomi negara berdepan dengan cabaran yang getir.

Kedua-dua faktor yang digambarkan oleh Rajah 11-4 melambangkan proses pembelajaran dan pengajaran yang akan diamalkan di kolej komuniti untuk melengkapkan para graduan dengan kemahiran kehidupan (*life skills*) ke arah:

- Peningkatan kemahiran keusahawanan untuk ekonomi berpendapatan tinggi; dan
- Peningkatan kompetensi untuk kebolehpasaran dan memperoleh kelayakan yang lebih tinggi.

Dengan menggunakan pendekatan ini, semasa mencapai keunggulan menjelang 2020 (iaitu selaras dengan pencapaian Wawasan 2020), graduan/lulusan yang dihasilkan oleh kolej komuniti akan mencerminkan senarai atribut seperti berikut:

- Penyemarakan kemahiran (*multiskilling*);
- Kemahiran kemandirian (*enterprising skills*);
- Keupayaan untuk meningkatkan produktiviti;
- Keupayaan untuk menjana pendapatan tinggi; dan
- Kemampuan untuk meningkatkan taraf hidup.

Rajah 11-4
PENCAPAIAN KOLEJ KOMUNITI MENJELANG 2020







BAB 12
KESIMPULAN



BAB 12 : KESIMPULAN

Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015 meletakkan persediaan yang kukuh bagi mendepani cabaran dalam landskap pendidikan TVET negara. Secara keseluruhan keadaan ini memerlukan gabungan faktor yang boleh memudahcara kejayaan agenda pemeriksaan ini. Kerangka Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015 telah mengenal pasti enam teras untuk mendukung matlamat kolej komuniti. Semua teras berkenaan memainkan peranan yang amat signifikan ke arah pemeriksaan kolej komuniti kerana menggabungkan pelbagai faktor yang akan menyumbang secara positif kepada agenda ini.

Kekuatan kolej komuniti adalah berlandaskan penuntut sebagai fokus segala bentuk pembelajaran yang dilaksanakan. Pembelajaran berpusatkan penuntut *learner-centred learning* adalah sinonim dengan kolej komuniti kerana kesemua latihan dan pembelajaran berkisar kepada peningkatan kebolehan dan keupayaan penuntut yang mengikuti pengajian di kolej komuniti ke tahap menyerlahkan potensi mereka.

Dalam masa yang sama tenaga pengajar dan staf kolej komuniti sebagai aset terpenting perlu melalui proses pembangunan diri dan latihan yang relevan dan terkini. Pendedahan kepada pengalaman baharu di industri, pengetahuan dan teknologi terkini serta penemuan terbaharu juga akan memberi nilai tambah kepada sistem pengajian di kolej komuniti.

Pada masa hadapan, program berpacuan industri akan menjadi *the differentiating factor* memandangkan kebanyakan program yang direkabentuk memerlukan pendedahan kepada sistem sebenar yang wujud di industri. Justeru, setiap warga kerja JPKK dan kolej komuniti dituntut menghayati dan komited kepada pelaksanaan agenda pemeriksaan kolej komuniti ini dan seterusnya bersedia memainkan peranan yang lebih besar serta lebih mencabar di masa hadapan.



GLOSARI

<i>Action Oriented Learning</i> (Pendekatan latihan berasaskan tindakan)	Pendekatan ini memupuk pembelajaran secara aktif dan sendiri; dan juga kerja berpasukan. Pendekatan ini dapat memberi fokus kepada pelbagai jenis pelajar sesuai dengan sasaran kolej komuniti.
Ambilan	Ambilan bermaksud proses mengambil pelajar/penuntut di Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi
Atribut	Sifat seseorang individu
<i>Authentic Learning</i>	<i>Authentic learning typically focuses on real-world, complex problems and their solutions, using role-playing exercises, problem-based activities, case studies, and participation in virtual communities of practice. The learning environments are inherently multidisciplinary. Going beyond content, authentic learning intentionally brings into play multiple disciplines, multiple perspectives, ways of working, habits of mind, and community. (Authentic Learning for the 21st Century: An Overview by Marilyn M. Lombardi page 2-3, ELI Paper 1:2007)</i>
Glokal	Bercirikan global tetapi bertindak secara tempatan (<i>Thinking globally, acting locally</i>)
Graduan	Dalam konteks pengajian di Kolej Komuniti, graduan adalah pelajar yang telah memperolehi sijil kolej komuniti setelah melengkapkan modul-modul tertentu
Kemahiran kemandirian (<i>Enterprising skills</i>)	Perihal (keadaan) dapat berdiri sendiri
Kemasukan (<i>Intake</i>)	Pelajar baharu yang mendaftar masuk dalam program modular semasa
Kepemimpinan	Keupayaan (kebolehan, pencapaian) sebagai pemimpin
Kredit	Merujuk kepada ukuran kuantitatif yang melambangkan kandungan pembelajaran atau beban pembelajaran (kuliah, tutorial, seminar, praktikal, pembelajaran sendiri, pencarian maklumat, kajian, kerja lapangan serta persediaan dan menduduki peperiksaan) untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.
Kursus pendek	Merupakan kursus/latihan formal dan tidak berstruktur yang berbentuk teori dan praktikal serta dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan ke bawah

Lulusan	Dalam konteks pengajian di Kolej Komuniti, lulusan adalah pelajar yang telah menamatkan sesuatu modul Sijil Modular Kebangsaan
<i>Multiskilling</i>	Latihan kepelbagaian/ Penyemarakan kemahiran
Pelajar	Individu yang mendaftar bagi mengikuti pengajian sepenuh masa untuk dianugerahkan SKK(T) atau SKK(M)
Pengupayaan	Perihal (perbuatan, tindakan, usaha dsb) menjadikan berupaya (berkemampuan, berkebolehan dsb.,) untuk mencapai sesuatu
Penuntut kolej komuniti	Merangkumi individu yang berminat dan mendalami ilmu tentang sesuatu secara rasmi atau tidak rasmi. Mereka terdiri daripada pelajar sepenuh masa dan pembelajaran sepanjang hayat iaitu warga emas, suri rumah, OKU, belia, penganggur, pelajar sekolah menengah, pelajar sekolah rendah dan lepasan universiti
Program Wajib Kolej (PWK)	Program Wajib Kolej merangkumi Subjek Kemahiran Insaniah, Asas Ibadat Solat/Kemoralan Sosial, <i>English for Customer Service, English for Social Transaction, English for Work Operations</i> dan Modul Usahawan yang membawa kepada 7 hingga 9 kredit (280 hingga 360 jam). PWK diambil oleh pelajar bagi melengkapkan pakej program untuk penganugerahan Sijil Kolej Komuniti.
<i>Reskilling</i>	Proses mempelajari kemahiran baharu atau kemahiran yang berlainan dari sebelum ini (Latihan Semula)
SKK	Sijil Kolej Komuniti - adalah pakej program bidang latihan yang mengumpulkan jam kredit daripada beberapa program Sijil Modular Kebangsaan. Pakej program bidang latihan ini membawa sebanyak 60 hingga 72 jam kredit dan graduan dianugerahkan SKK
SMK	Sijil Modular Kebangsaan - adalah program latihan kemahiran jangka pendek (3 hingga 6 bulan) berasaskan proses kerja sebenar yang merangkumi kompetensi teknikal, pengetahuan dan sosial. Setiap Sijil Modular Kebangsaan adalah set kemahiran minimum di dalam sesuatu skop kerja. Model Kurikulum ini adalah berbentuk <i>Outcome-Based Education</i> dan <i>Competency-Based Education</i> . Ia mengandungi satu set aktiviti pembelajaran
<i>Upskilling</i>	Peningkatan kemahiran daripada tahap lebih rendah kepada tahap lebih tinggi

DAFTAR SINGKATAN

AOL	<i>Action Oriented Learning</i>
APEL	<i>Accreditation of Prior Learning</i>
BKPKK	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
CAP	<i>Critical Action Project</i> (Projek Agenda Kritikal)
COE	<i>Centre of Excellence</i>
COT	<i>Centre of Training</i>
CPCM	<i>Career Path Competency Matrix</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
<i>e-Tech Centre</i>	<i>Entrepreneurship Technology Centre</i>
ETP	<i>Economic Transformation Programme</i>
ePSH	Rekod sistem pangkalan data kursus pendek
FRP	Fail Rekod Pelajar
GTP	<i>Government Transformation Programme</i>
GLC	<i>Government Linked Companies</i> (Syarikat Berkaitan/Milik Kerajaan)
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JPKK	Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KIPA	Kursus Kepimpinan Instruksional dan Pembangunan Andragogi
KK	Kolej Komuniti
KKL	Kolej Komuniti Langkawi
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
LA	<i>Learning Arena</i>
LnP	<i>Learn and Practice</i>
MBE	Model Baru Ekonomi
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
MQF	<i>Malaysian Qualifications Framework</i>
MTUN	<i>Malaysian Technical University Network</i>
MyQuest	<i>Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges</i>

NITF	<i>National Implementation Task Force</i>
NEM	<i>New Economic Model</i>
NGO	<i>Non-Governmental Organisation</i>
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PnP	Pembelajaran dan Pengajaran
PL1M	Program Latihan 1Malaysia
PPK	Program Pembangunan Kemahiran
PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
PUSKOM	Pusat Usahawan Kolej Komuniti
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMKe-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RPL	<i>Recognition of Prior Learning</i>
SETARA	Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi
SIP	Sangkutan Industri Pensyarah
SKK(M)	Sijil Kolej Komuniti Bermodular
SKK(T)	Sijil Kolej Komuniti Berterusan
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SLT	<i>Student Learning Time</i>
SME	<i>Subject Matter Experts</i>
SMK	Sijil Modular Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TPP	Tabung Pinjaman Pelajaran
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i> (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional)
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation</i>
WBL	<i>Work-Based Learning</i>

SUMBER RUJUKAN

- Jabatan Perdana Menteri. (1991). *Wawasan 2020*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Economic Transformation Programme*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri
- Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.(2001). *Pelan Pengukuhan Keusahawanan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2010-2015*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2008). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). *Blueprint on Enculturation Of Lifelong Learning for Malaysia 2011-2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Fasa 2 (2001-2015)*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan.(3rd ed.)(2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- M.Ehlers.(2009).What is TVET? Retrieved October 10, 2012, from [http://www.unevoc.unesco.org/tvetipedia.0.html?&tx_drwiki_pi1\[keyword\]=TVET](http://www.unevoc.unesco.org/tvetipedia.0.html?&tx_drwiki_pi1[keyword]=TVET)
- Tiada Nama Pengarang. Retrieved July 26, From <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=+kemandirian>
- Unit Perancang Ekonomi. (2010). *Rancangan Malaysia kesepuluh 2011-2015*. Jabatan Perdana Menteri: Putrajaya.
- Usahawan Kolej Komuniti. (Tiada tahun penerbitan). Putrajaya: Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.



PENGHARGAAN

Penasihat

Datuk Ab. Rahim Bin Md. Noor
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

Penaung

En. Amir Bin Md. Noor, *S.S.P., S.M.S., A.M.P.*
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti

Penulis dan Penyunting

Pn. Zainab Binti Ahmad
Pn. Rohana Binti Zulkifli
Cik Ngah Fadzilah Binti Abdul Jalil
Pn. Nornazlina Binti Mohd Nor

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini terutamanya:

En. Suhaime Bin Mahbar
Dr. Hishamuddin Bin Mohd Hashim
En. Jamalulail Bin Abu Bakar
En. Adek Ahmad Bin Ab. Manaf
Cik Faidzah Binti Shah Rum

Ir. Chan Chee Meng
En. Mohd Nasir Bin Abd Ghani
Tn. Hj Wan Izni Rashiddi Bin Wan Razalli
En. Ishanuddin Bin Hussin
En. Mohd Faisal Bin Ishak
En. Muraly Tharen a/l Rengasamy, AMP
En. Mahmood Bin Mohamad
Pn. Zainab Binti Othman
Tn. Hj. Zairon Bin Mustapha
Pn. Zainah Binti Rujihan
En. Nordin Bin Sariju
Pn. Ho Siew Lan
Pn. Saerah Binti Abdul Rahim
En. Hamizun Bin Hamzah
En. Hisamudin Bin Mohd Tamim
Pn. Merhayati Binti Sipon
Cik Rafidah Binti Mohamad Noor
Pn. Junita Binti Jalaludin
En. Muhammad Fazli Bin Jasli
Pn. Rosnani Binti Yahya, dan
semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan buku ini.



